**Mammo Penang, daftar segera!** MS 3



**Wanita hari ini bijak** MS 21



**Pemenang lukisan poskad terima hadiah** MS 16




**buletin Mutiara**

PERCUMA




www.buletinmutiara.com

1 – 15 APRIL 2015

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng


# Tahniah MBPP!

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **CHAN LILIAN & AHMAD ADIL MUHAMAD**

**GEORGE TOWN –** Majlis Pengisytiharan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dilangsungkan dengan penuh gilang-gemilang di perkarangan Padang Kota Lama di sini, sekaligus mencatat satu lagi peristiwa bersejarah.

Datuk Bandar MBPP, Dato' Patahiyah Ismail dibawa menyaksikan acara perbarisan yang dianggotai 48 anggota penguatkuasa lain-lain pangkat dan tiga pegawai sebelum menyampaikan ucaptama di Dewan Bandaraya baru-baru ini.

Beliau kemudian turut dibawa menyempurnakan acara menanam pokok, *Maingaya Melayana* di sini sebelum dilangsungkan acara jamuan tengah hari bersama-sama tetamu serta kakitangan pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan.

Patahiyah dalam ucapannya menyebut, pengisytiharan MBPP sekaligus akan menggandakan usaha PBT berkenaan dalam mereputasi mutu pelanggan, khususnya kepada para pembayar cukai.

"Sudah tiba masanya untuk kita (warga Pulau Pinang) bersama-sama mengubah atau menerima anjakan paradigma di mana peraturan atau syarat yang tidak sesuai (wajar) diubah," ujarnya dalam majlis bersejarah tersebut baru-baru ini.

Hadir sama, Setiausaha MBPP, Ir. Ang Aing Thye serta barisan Ahli Majlis MBPP.

Sebelum itu, Patahiyah turut menyertai majlis istiadat berasingan di Anjung Mutiara, kediaman rasmi Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas dan isteri, Toh Puan Majimor Shariff.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Prof. Dr. P. Ramasamy (Timbalan Ketua Menteri II), Chow Kon Yeow (Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir) serta para pemimpin Kerajaan Negeri lain turut hadir pada majlis itu.



DR. Abdul Rahman Abbas (kanan sekali) menyerahkan cokmar kepada Patahiyah Ismail pada Majlis Pengisytiharan MBPP dan Penyerahan Watikah Pelantikan Datuk Bandar di sini baru-baru ini.

Mewakili Putrajaya, Ketua Setiausaha bagi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Datuk Seri Arpah Abdul Razak menyerahkan Suratcara Pengisytiharan MBPP kepada Abdul Rahman.

Istiadat diteruskan dengan acara Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng mengumumkan pelantikan Patahiyah sebagai 'Datuk Bandar', disusuli dengan istiadat mengangkat sumpah Patahiyah ke jawatan tersebut.

Pada majlis tersebut, Patahiyah memakai busana beradat seperti jubah khas yang direka bentuk selaras dengan jubah Datuk Bandar Negara-negara Komanwel. Ia diperbuat daripada *"Blue Bramfield Silk Damask"*, jahitan tangan sepenuhnya oleh syarikat *Ede & Ravenscroft Limited,* yang berpengkalan di London, United Kingdom. Warna biru yang dipilih adalah bagi melambangkan status Pulau Pinang sebagai Pulau Mutiara.

Malah, Patahiyah turut dipakaikan Kalung Datuk Bandar MBPP yang diperbuat daripada perak 925 bersaduran emas dengan sambungan 17 kerawang menjadi rantai leher.

Cokmar yang merupakan simbol kebesaran dan kuasa yang ada pada Datuk Bandar diperbuat daripada perak 9.25 atau *sterling silver.* Ia memiliki corak kerawang disadur emas, ketinggian 3 kaki dan 6 inci dengan dua bahagian utama iaitu Bahagian Atas (Kepala) dan Bahagian Bawah (Kaki).

Dua pegawai istiadat membawa cokmar khas mengiringi posisi depan dan belakang Patahiyah di sini.

Difahamkan, Kerajaan Tempatan pertama ditubuhkan di negara ini adalah di Pulau Pinang, iaitu pada tanggal 4 Januari 1801, dengan penubuhan Jawatankuasa Penaksir bagi menguruskan kadar taksiran setempat sehingga tahun 1827 tanpa pengiktirafan undang-undang.

Kemudian, Majlis Perbandaran ditubuhkan pada tahun 1856, diikuti dengan penubuhan Ordinan Perbandaran Negeri-negeri Selat (OPN) yang mempunyai lebih kuasa dalam mengendalikan hal ehwal kesihatan mulai 1 Januari 1888 hingga 1913.

Pada tahun 1950, Ordinan Pilihan Raya Penguasa Tempatan diperkenalkan bagi mengantikan amalan pelantikan presiden serta ahli-ahli majlis yang lain.

Malah, pilihan raya pertama di Malaya turut diadakan di Pulau Pinang pada 1 Disember 1951 bagi memilih para ahli majlis bagi Majlis Perbandaran George Town (MPGT). MPGT merupakan perbandaran pertama yang memilih ahli secara pemilihan.

Terdapat tiga peristiwa penting di Malaya pada 1957, iaitu : -

i) Perayaan 100 tahun Perbandaran George Town iaitu pada 1857 – 1957.

ii) Pada 1 Januari 1957, Perbandaran George Town dinaiktaraf dari 'Perbandaran' kepada 'Bandaraya' melalui *Letters Patent* dengan arahan Queen Elizabeth II, sekaligus merekodkan George Town merupakan bandar raya pertama di Malaysia walaupun tidak melalui Akta Kerajaan Tempatan 1976.

iii) Kemerdekaan Malaya pada 31 Ogos 1957.

Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) ditubuhkan pada 15 Disember 1976, sebelum dimasyhurkan menjadi MBPP baru-baru ini.

Tahniah MBPP!



PATAHIYAH Ismail (tengah) bergambar kenangan dengan Ketua Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri.

# Ceroboh DUN, kesal pertuduhan alternatif lebih ringan

Gambar : **BULETIN MUTIARA**

**GEORGE TOWN –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, melahirkan rasa kesal terhadap persetujuan pihak Peguam Negara, Tan Sri Abdul Gani Patail yang membenarkan pertuduhan alternatif lebih ringan ke atas 16 tertuduh yang bertindak liar dan biadap semasa mencerobohi dan mencemarkan Dewan Mesyuarat, Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang dalam kejadian 21 Mei tahun lalu.

Guan Eng berkata demikian bagi mengulas persetujuan terhadap pertuduhan alternatif dan pengakuan salah yang dimasuki 16 tertuduh berkaitan di dalam kes jenayah No. 85-08-06/2014 dan 85-11-11/2014 di Mahkamah Majistret George Town, Pulau Pinang Pendakwa Raya lawan Datuk Mohd. Ridzwan Bakar dan 15 lagi pada 11 Mac lalu.

"Difahamkan kesemua 16 orang tertuduh telah, pada asalnya dituduh di bawah Seksyen 448 Kanun Keseksaan untuk kesalahan mencerobohi rumah *(house trespass)* berkaitan dengan insiden pencerobohan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang pada 21 Mei 2014.

"Seterusnya, kami (Kerajaan Negeri) difahamkan bahawa setelah rundingan dengan pihak Ketua Unit Pendakwaan Negeri Pulau Pinang, satu pertuduhan alternatif di bawah Seksyen 447 Kanun Keseksaan telah ditawarkan kepada kesemua 16 orang tertuduh.

"Pada 11 Mac 2015, mereka (tertuduh) telah mengaku salah kepada pertuduhan alternatif tersebut dan Makahmah Majistret George Town telah mengenakan hukuman denda RM1,500.00 terhadap 15 orang tertuduh dan RM1,000.00 terhadap seorang (1) tertuduh," katanya dalam satu kenyataan di sini baru-baru ini.





KUMPULAN yang bertindak menceroboh di dalam dewan persidangan DUN Pulau Pinang pada 21 Mei 2014.

Dalam kejadian 21 Mei tahun lalu, sekumpulan lelaki bertindak merempuh pagar utama DUN Pulau Pinang sehingga menceroboh ke dalam dewan persidangan.

Ekoran kejadian tersebut, Speaker DUN, Dato' Law Choo Kiang telah mengeluarkan kenyataan menyatakan kekecewaannya ke atas insiden pecah masuk ke dalam Dewan yang mulia berkenaan yang mana tidak pernah berlaku sepanjang sejarah DUN di negeri ini, bahkan mencemar sejarah politik di peringkat negara.

Lantaran itu, Guan Eng bagi pihak Kerajaan Negeri ingin mendapatkan penjelasan daripada Abdul Gani sebab pihak pendakwaan telah bersetuju menawarkan pertuduhan alternatif tersebut terhadap tertuduh berkaitan, memandangkan ianya adalah terlalu ringan yang tidak setimpal dengan jenayah berat yang dilakukan.

"Kesalahan menceroboh masuk Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang adalah begitu serius dan satu penghinaan besar kepada simbol demokrasi yang merupakan institusi paling unggul dalam Perlembagaan Negeri Pulau Pinang, yang tidak pernah berlaku sebelum ini di Malaysia.

"Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang adalah satu institusi yang seharusnya diberikan penghormatan tertinggi, oleh yang demikian penawaran pertuduhan alternatif tersebut adalah tidak wajar dan susah untuk diterima sama sekali," tegas beliau.

Beliau dalam pada itu juga ingin mendapatkan penjelasan samada pengadu dalam kes berkenaan, iaitu Speaker DUN Pulau Pinang, Dato' Law Choo Kiang telah memberi pandangannya sebelum hukuman dijatuhkan.

"Memandangkan keseriusan kesalahan yang telah berlaku tersebut, kami (Kerajaan Negeri) berharap agar penjelasan dapat diberikan terhadap pertanyaan kami (Kerajaan Negeri) ini.

"Di dalam apa keadaan jua, kami (Kerajaan Negeri) berpendapat bahawa keluhuran Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang telah dicabuli dengan serius. Oleh demikian, hukuman yang telah dijatuhkan adalah tidak memadai dan tidak setimpal dengan jenayah dilakukan.

"Kami (Kerajaan Negeri) juga berharap YBhg. Tan Sri (Abdul Gani) dapat membuat rayuan hukuman ke Makamah Tinggi Pulau Pinang terhadap keputusan tersebut," ujar Guan Eng.



KETUA Menteri dan Wong Hon Wai (kiri sekali) bergambar bersama-sama Moey Kok Ming (tiga dari kiri) serta isteri dengan berlatar belakangkan kedai runcit mereka yang terpaksa ditutup ekoran impak pelaksanaan GST oleh Pusat.

# Kedai 'era Jepun' tutup akibat GST

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI & ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI & AHMAD ADIL MUHAMAD**



YEW Chian Hooi dan isteri.

**AIR ITAM –** Kedai ubat tradisional Ban Swee Choon milik Yew Chian Hooi, 75 di Jalan Danby dekat Parlimen Bukit Mertajam yang beroperasi pada era kolonialisme Jepun sejak 78 tahun dahulu terpaksa ditutup ekoran tidak mampu mendepani cabaran Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) mulai 1 April lepas.

Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dalam nada kesal mengkritik keras terhadap pentadbiran Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang didakwa langsung tidak sensitif dengan keluh-kesah rakyat, termasuk peniaga kecil di negeri ini.

"Masa Jepun menjajah pun tidak takut untuk buka kedai, tetapi dengan GST kena takut.

"Akhirnya kedai ini tidak kalah kepada Jepun, tetapi kalah kepada GST," tegasnya yang juga Ahli Parlimen Bagan semasa mengadakan pertemuan dengan pemilik kedai ubat tersebut di sini baru-baru ini.

Sebelum itu, Guan Eng turut mendapatkan maklum balas daripada pengusaha pengusaha kedai runcit Tatt Ming dekat Air Itam, pemiliknya, Moey Kok Meng, 68, susulan terbaca laporan berwajib daripada sebuah akhbar berbahasa Cina.

"Masalah GST bukan sahaja beban kewangan yang terpaksa ditanggung peniaga-peniaga kecil, tetapi juga kerana prosedurnya yang dianggap sukar isu borang atau macam mana mematuhi peraturan ditetapkan, mengakibatkan mereka (peniaga) akan menanggung kos yang lebih kalau nak patuhi peraturan ditetapkan.

"Oleh kerana tidak mampu, Encik Moey (Kok Meng) telah membuat keputusan yang pahit, iaitu untuk menutup kedai pada 25 Mac ini (lalu) selepas beroperasi selama 48 tahun," ujar Guan Eng pada sidang media berasingan bersama-sama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam merangkap Setiausaha Politik kepada beliau, Wong Hon Wai.

Menurut Kok Meng, beliau mengambil keputusan untuk menutup kedai runcit kerana tidak memahami sistem percukaian baru tersebut, selain, mengakui GST menambahkan beban hidup kerana operasi perniagaannya.

Tambahnya, beliau bukan sahaja tidak tahu cara menggunakan komputer serta "berniaga mengikut cara lama", malah, juga mengaku masih mengira stok menggunakan tangan.

# KM rakam takziah atas kematian Lee Kuan Yew

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri Pulau Pinang merakamkam ucapan takziah kepada rakyat Singapura serta Perdana Menterinya, Lee Hsien Long dan keluarga beliau atas kematian pengasas negara moden berkenaan, Lee Kuan Yew pada 23 Mac lepas.



KETUA Menteri ketika hadir di Kedutaan Singapura di Kuala Lumpur bagi mencatat ucapan takziah kepada mendiang Lee Kuan Yew baru-baru ini.

Menurut Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, Kuan Yew akan terus dikenang atas kejayaannya memakmurkan Singapura daripada sebuah pulau yang kecil, berbekalkan modal insan serta tanpa sumber mentah berubah menjadi sebuah negara moden dikenali sebagai mengamalkan tadbir urus kerajaan secara cekap dan tanpa rasuah.

"Singapura kini dikenali sebagai model kejayaan, dicontohi serta diikuti oleh negara-negara yang besar mahupun kecil, di mana negara-negara besar seperti China pun hari ini mendapatkan (khidmat guaman) daripada peguam (Singapura).

"Lee Kuan Yew adalah (bapa) pembangunan yang cemerlang (untuk Singapura)," katanya dalam satu kenyataan di sini baru-baru ini.

Tambah beliau, Kuan Yew turut diingati atas kepetahan serta akalnya yang tajam dalam menguruskan masa depan Singapura.

Dalam pada itu, Guan Eng turut berkongsi pengalaman menerima kunjungan hormat Kuan Yew ke Komtar yang merupakan pusat pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang, pada bulan Jun 2009.

"Walaupun pada usia itu, beliau masih seorang ahli fikir dinamik dengan hujah-hujah yang jelas dan tajam dalam penglihatannya," jelas Guan Eng.

Kuan Yew, bapa Hsien Long, meninggal dunia di Hospital Besar Singapura. Beliau meninggal pada usia 91 tahun.

Dalam pada itu, sebagai penghormatan, Guan Eng dan beberapa ahli parlimen hadir ke Kedutaan Singapura di Kuala Lumpur bagi mencatat ucapan takziah kepada mendiang.

# *Mammo Penang,* jaga wanita P. Pinang

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

**GEORGE TOWN –** Dalam memastikan kesihatan wanita terjaga di peringkat optimum, Kerajaan Negeri membelanjakan RM2.3 juta untuk pelaksanaan Program Saringan Mamogram Percuma atau *Mammo Penang* selama tiga tahun bermula 2015 hingga 2018.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dalam ucapannya memberitahu bahawa program yang memperoleh kerjasama BP Healthcare Group (BP), Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC), Penang Sihat dan *Pink Penang* tersebut menawarkan pemeriksaan mamogram percuma kepada semua wanita Pulau Pinang yang berkelayakan.

"Wanita berusia 35 tahun dan ke atas, merupakan pengundi berdaftar di Pulau Pinang layak dipilih untuk menyertai program ini selain memberi peluang kepada mereka yang kurang berkemampuan.

"Mereka (golongan wanita) akan dikenalpasti oleh Briged Wanita di setiap kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) masing-masing dan setiap pemilihan terdiri daripada 40 peserta wanita untuk setiap sesi pada setiap hujung minggu iaitu pada Sabtu dan Ahad.




**KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri menyaksikan majlis pertukaran dokumen perjanjian pelaksanaan Program Mammo Penang dengan pihak BP di sini baru-baru ini.**

"Ini bermakna, setiap DUN berpeluang untuk sekurang-kurangnya menghantar peserta terpilih tiga kali setahun berdasarkan takwim pemeriksaan yang telahpun disediakan sepanjang tahun," katanya pada Majlis Perasmian Program Saringan Mammogram Percuma Kerajaan Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon; Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin; Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Penggguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim dan Exco Pembangunan Pelancongan, Law Heng Kiang.

Turut serta, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim, Ahli Parlimen Batu Kawan, P. Kasthuriraani, Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus, Pengerusi BP, Datuk Beh Chun Chuan.

Dalam pada itu, Afif ketika ditemui memberitahu bahawa pemilihan BP sebagai pengendali program adalah berdasarkan



**BARISAN tetamu kehormat melambai mesra ketika mengiringi kumpulan pertama 40 wanita terpilih menaiki bas *Hop On Hop Off* sebagai gimik pelancaran Program Mammo Penang.**

peralatan dimiliki, kepakaran, profesionalisme kakitangan dan pengalaman selama lebih 30 tahun dalam bidang berkaitan.

"Program ini dijangka akan berterusan sehingga tahun 2018 dengan jangkaan awal mencecah seramai 23, 280 peserta terpilih menjalani saringan mamogram.

"Di samping melaksanakan tanggungjawab, Kerajaan Negeri juga bertekad untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan wanita mengenai ancaman kanser payudara kerana kita (Kerajaan Negeri) benar-benar 'Sayangi Wanita Pulau Pinang'," katanya.

Menyentuh mengenai kesedaran wanita terhadap penyakit kanser, Afif memberitahu bahawa kesedaran dalam kalangan masyarakat masih rendah dan tidak menolak kemungkinan kebimbangan kos yang tinggi menjadi salah satu punca ramai wanita enggan menjalani saringan mamogram.

**Untuk pendaftaran Program Mammo Penang, sila hubungi:**

- **Pejabat MMK Kesihatan: 04 - 262 0862**
- **PWDC: 04 - 261 2835**
- **Pusat BP Diagnostik:**
  - **i. Pulau: 04- 229 2677**
  - **ii. Bukit Mertajam: 04 - 537 5889**
- **Hospital Pulau Pinang: 04 - 222 5318**
- **Hospital Seberang Jaya: 04 - 382 7235**
- **Pink Penang: 04 - 222 5327**

# Kerjasama semua pihak banteras denggi - Exco

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **MARK JAMES**

**GEORGE TOWN –** Semua pihak diminta supaya mengambil langkah-langkah sewajarnya bagi membanteras pembiakan nyamuk aedes dengan mengawal serta mengurangkan penularan wabak denggi di negeri ini.

Gesaan tersebut disuarakan Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin ekoran peningkatan kes wabak denggi yang dilihat beliau semakin serius pada tahun ini.

"Mengikut rekod, secara kumulatif sehingga 14 Mac 2015, sebanyak 1,303 kes denggi dilaporkan berbanding 453 kes bagi tempoh sama tahun 2014. Statistik tersebut menunjukkan peningkatan sebanyak 850 kes iaitu 187.64 peratus.

"Justeru, kerjasama antara semua pihak adalah penting bagi mengekang wabak denggi.

"Lanjutan itu, satu taklimat khas turut diadakan kepada wakil-wakil




**BERSAMA-SAMA Pengusaha-pengusaha Kubur Cina Negeri Pulau Pinang menunjukkan sepanduk peringatan sebagai salah satu langkah mencegah penularan demam denggi.**

kontraktor dan pengusaha-pengusaha kawasan perkuburan Cina di seluruh Pulau Pinang," katanya pada Taklimat Denggi Kepada Pengusaha-pengusaha Kubur Cina Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Menurut Afif, denggi merupakan suatu wabak yang mudah merebak kerana sikap manusia yang mengabaikan penjagaan kawasan sekitar.

"Oleh itu, saya memohon kerjasama semua pihak dalam membanteras wabak denggi termasuk di tanah perkuburan Cina pada perayaan Qing Ming ini dan juga di tapak-tapak pembinaan," seru beliau.

Mengulas lanjut, Afif memberitahu, mengikut kepercayaan masyarakat Cina, selepas perayaan tersebut, jumlah hujan akan meningkat dan ia merupakan salah satu faktor yang akan menyebabkan aktiviti pembiakan nyamuk aedes di kawasan takungan air contohnya di dalam cawan-cawan minuman yang ditinggalkan di kawasan kubur dalam keadaan 'terbuka' selepas upacara sembahyang Qing Ming.

"Justeru, adalah dinasihatkan supaya tidak meninggalkan peralatan-



**DR. Afif Bahardin (kiri sekali) menunjukkan sampel air dipercayai mengandungi jentik-jentik yang diambil di salah sebuah tapak pembinaan yang terlibat dalam operasi pemeriksaan di sini baru-baru ini.**

peralatan berkaitan atau tidak membiarkan ia dalam keadaan 'terbuka'," ujarnya.

Beliau memberitahu, sehingga kini, sebanyak 109 tapak pembinaan di seluruh Pulau Pinang telah diperiksa dan 18 daripadanya adalah positif pembiakan aedes. Daripada jumlah itu, tujuh daripadanya telah diarah tutup.

"Arahan tutup dikenakan ke atas tapak pembinaan yang didapati mempunyai lebih daripada tiga tempat pembiakan aedes di sesebuah lokasi (tapak pembinaan).

"Bagi jumlah kurang daripada tiga, kompaun RM500 akan dikenakan," jelas Afif yang turut serta dalam operasi pemeriksaan bersama-sama Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) baru-baru ini.

# Ayah Anwar meninggal dunia, KM rakam takziah

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **FB EXCO**

**GEORGE TOWN –** Datuk Seri Anwar Ibrahim menerima kematian ayahnya, Datuk Ibrahim Abdul Rahman dari penjara baru-baru ini, sebagaimana bekas Ahli Parlimen Permatang Pauh itu menerima berita pemergian ibunya, "Che Yan" pada tahun 2001 semasa menjalani hukuman serupa atas kes Fitnah Liwat 1.0 dahulu.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dalam perutusannya menyifatkan berita terharu itu begitu menguji ketabahan Anwar dalam memperbaiki sistem demokrasi negara sekarang hatta berjaya diheret menjalani hukuman di penjara Sungai Buloh selama lima tahun atas sabitan kes Fitnah Liwat II pada 10 Februari lepas.

"Keazaman kuat, ketahanan dalam masa kesakitan, kesedihan dan derita, tidak ada kedudukan atau kemewahan mana pun yang mampu diberikan.

"Saya amat sedih dengan berita kematian Datuk Ibrahim Abdul Rahman, seorang anak kebanggaan Pulau Pinang yang juga bapa kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Tiada siapa yang dapat membayangkan kesakitan Anwar menghadapi kematian orang-orang tersayang ketika dalam penjara. Ibu Anwar, 'Che Yan' meninggal dunia pada 2001 ketika beliau menjalani hukuman penjara pertamanya.

"(Terdahulu) Anwar dihalang daripada menghadiri pengebumian dua rakan politik paling rapat, iaitu Datuk Fadzil Noor dan Tok Guru Datuk Nik Aziz Nik Mat yang meninggal dunia pada Jun 2002 dan 12 Februari 2015. Pada kedua-dua keadaan, dia berada di penjara.

"(Kini) amat tragis bahawa Anwar kehilangan ibu dan bapanya dalam keadaan beliau di penjara," kata Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan dalam perutusannya.

Justeru, Guan Eng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih turut merakamkan ucapan takziah kepada isteri Anwar, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (ADUN Kajang) serta anaknya, Nurul Izzah Anwar (Ahli Parlimen Lembah Pantai) serta kaum keluarga terdekat yang lain.

Allahyarham Ibrahim merupakan ahli Parlimen Seberang Perai Tengah dari 1959 hingga 1969, serta pernah memegang jawatan sebagai Setiausaha Parlimen bagi Kementerian Kesihatan.

Allahyarham Ibrahim meninggal dunia pada detik 1.45 pagi, 5 April lepas.



**SEKITAR majlis penghormatan terakhir Allahyarham Ibrahim Abdul Rahman.**

## SPA 'hadiah' untuk Anwar, pengundi Permatang Pauh - KM

Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**SEBERANG JAYA –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata pembangunan SPA atau *Seberang Perai Arena* bernilai RM11 juta yang siap dibina di sini baru-baru ini merupakan 'hadiah' daripada Kerajaan Negeri atas perjuangan rakyat bersama-sama Ahli Parlimen Permatang Pauh, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam memulihara sistem demokrasi negara.

Katanya, Anwar dianggap sanggup mengorbankan diri hingga disabitkan bersalah lalu dipenjara sejak 10 Februari lepas demi mempertahankan prinsip perjuangan rakyat dalam melawan rasuah, pemborosan, ketirisan serta penyelewengan kuasa di sini.

"Inilah 'hadiah' dalam bentuk pembangunan untuk manfaat rakyat dan bukan untuk kepentingan diri sendiri.

"Sungguhpun beliau (Anwar) tidak dapat merasmikan SPA ini, beliau akan senantiasa dalam kenangan atas jasa dan baktinya kepada pengundi Permatang Pauh," ujarnya yang juga Ahli Parlimen Bagan pada Majlis Pelancaran Pembukaan SPA di sini baru-baru ini.

Isteri Anwar, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kajang, Selangor turut hadir sebagai wakil Ahli Parlimen Permatang Pauh berkenaan.

Hadir sama, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang, Dato' Law Choo Kiang dan isteri, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon dan isteri, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy, Exco Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin, Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus, para Exco Kerajaan Negeri serta beberapa wakil rakyat lain.

Menurut Guan Eng, projek dibiayai sepenuhnya oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) tersebut berkonsepkan komuniti di atas sebidang tanah berkeluasan 6.9 ekar, termasuk 25,000 kaki persegi dewan bankuet serta arena sukan.

Tambahnya, dewan bankuet berhawa dingin itu boleh menampung 100 meja jamuan atau 1,000 orang dalam satu-satu masa.

Itu, jelas beliau, tidak termasuk ruang luar yang boleh memuatkan sehingga 300 orang.



**RUPA bentuk SPA.**

Selain memenuhi acara keraian, Guan Eng memberitahu, SPA juga turut dilengkapkan dengan pejabat dan bilik-bilik mesyuarat, bilik AV, dewan tertutup dengan pentas, dua gelanggang untuk permainan futsal atau bola keranjang serta enam gelanggang badminton.

Malah, beliau memberitahu, SPA turut menyediakan 491 parkir kereta, parkir bas (7) dan tempat letak motosikal (77).

"Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada PDC yang telah menggunakan kepakaran dalamannya, melalui anak syarikatnya sendiri iaitu PDC Consultancy Sdn. Bhd. untuk merekabentuk projek *Seberang Perai Arena* ini," ujar Guan Eng.



**MOHD. Rashid Hasnon (kanan sekali) sambil ditemani Dr. Afif Bahardin (dua dari kiri) dan Farizan Darus (dua dari kanan) ketika hadir pada Majlis Pelancaran Pembukaan SPA di sini baru-baru ini.**

# WUP'15 bantu belia kahwin tanpa belanja tinggi

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**



PASANGAN mempelai melambai mesra di hadapan lensa Buletin Mutiara.



MOHD. Rashid Hasnon (dua dari kanan) berjabat tangan dengan salah seorang pasangan pengantin pada Majlis WUP'15 di sini baru-baru ini.

**BALIK PULAU –** Seramai 18 pasangan pengantin diraikan serentak dalam Majlis Walimatulurus Perdana 2015 (WUP'15) yang diadakan di Kompleks Sukan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) Balik Pulau di sini baru-baru ini.

Kesemua pasangan mempelai yang ditemui teruja apabila terpilih untuk menyertai majlis yang julung kali diadakan di negeri ini anjuran khas Pusat Khidmat Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Pulau Betong dengan kerjasama Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Yayasan Islam Pulau Pinang (YIPP) dan Pertubuhan Ikram (Barat Daya) Pulau Pinang.

Pada majlis berkaitan, pasangan dibawa berarak menaiki bas pelancongan *Penang Hop On Hop Off* (HOHO) dari Masjid Daerah Barat Daya ke Kompleks Sukan MBPP Balik Pulau dengan diiringi 30 motosikal berkuasa besar.

Mereka kemudiannya disambut dengan paluan kompang, tiupan serunai dan persembahan silat pendekar sebelum diarak masuk bagi majlis santapan beramai-ramai.

Terdahulu, 18 pasangan berkenaan diijabkabulkan tiga jurunikah dari MAINPP di Masjid Daerah Barat Daya sehari sebelum berlangsungnya WUP'15.

Hadir sama meraikan kemeriahan berkaitan, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon dan isteri, Datin Nor Azizah Haron; Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim; Ahli Parlimen Nibong Tebal, Dato' Mansor Othman dan isteri serta Pegawai-Pegawai Penyelaras KADUN.



MOHD. Tuah Ismail.

Turut serta pada majlis yang didatangi kira-kira 10,000 tetamu, Pengerusi MAINPP, Dato' Mohd. Salleh Man dan Mufti Negeri Pulau Pinang, Sahibul Samahah Dato' Seri Hj. Hassan Ahmad.

Bagi Mohd. Hafiz Azizan, 29, dan pasangannya, Norhidayah Che Din, 26, pada peringkat permulaan, sebagaimana pasangan-pasangan lain, mereka merancang untuk mengadakan majlis perkahwinan khas sendiri, namun menukar fikiran pada saat-saat akhir dengan mengambil keputusan untuk menyertai WUP'15.

"Kami memilih resepsi ini kerana ia bukan sahaja menjimatkan kos, malah penganjuran majlis sebegini juga dirancang mengikut lunas-lunas yang disyariatkan dalam Islam.

"Syukur alhamdulillah, semuanya berjalan lancar, doakan kami untuk menempuh alam perkahwinan ini," katanya ketika ditemui Buletin Mutiara pada majlis berkaitan yang diadakan dengan penuh meriah.

Turut sependapat, Muhammad Aiman Akbar, 21, bersama pasangannya, Noor Masitah Morat, 21, yang menyatakan bahawa usia muda bukan penghalang bagi mereka untuk berkahwin, apatah lagi kedua-duanya menganggap majlis perkahwinan tersebut sebagai suatu kenangan yang tidak akan dilupakan.

"Tidak pernah terlintas pun untuk berkahwin dalam suasana semeriah ini, namun semuanya sudah ditentukan-Nya," kata Muhammad Aiman.

Pasangan Mohd. Azmi Mohd. Zaini, 27, dan Siti Bayzura Mohd. Razi, 27, tidak menyangka bahawa majlis perkahwinan mereka turut dihadiri oleh dif-dif kehormat.

"Semoga berkat doa semua yang hadir termasuk dif-dif kehormat, bantera rumahtangga yang kami bina ini kekal berpanjangan hingga ke jannah.

"Secara keseluruhan, majlis ini merakamkan memori indah dan semestinya terpahat sebagai kenangan manis untuk dikongsi bersama anak cucu kami kelak," ujarnya sambil tersenyum.

Dalam pada itu, Pengarah majlis WUP'15, Mohd. Tuah Ismail ketika ditemui berkata, majlis yang julung kali diadakan berkenaan bertujuan membantu masyarakat Islam khususnya golongan belia yang ingin mendirikan rumahtangga tanpa mengeluarkan belanja tinggi. Ia telah melakar sejarahnya tersendiri.

"Sesungguhnya majlis perkahwinan yang diberkati bukanlah majlis bermewah-mewah, tetapi mudah dan bersederhana mengikut syariat," katanya yang juga Pegawai Penyelaras KADUN Pulau Betong.

Beliau menambah, pada resepsi berkaitan, setiap pasangan boleh menjemput sehingga 300 tetamu dan hanya perlu mengeluarkan belanja sebanyak RM1,000 sebagai bayaran penyertaan yang termasuk penyediaan makanan, perkhidmatan jurunikah, kad undangan dan cenderahati untuk tetamu.

# Exco harap projek RTB Sungai Kerian siap ikut jadual

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **DANNY OOI**

**NIBONG TEBAL –** Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berharap projek rancangan tebatan banjir (RTB) Sungai Kerian sepanjang 15 kilometer dapat disiapkan mengikut jadual ditetapkan demi mengatasi masalah banjir di lokasi berkaitan November ini.

Beliau berkata demikian pada lawatan ke Rumah Pam Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

"Saya lihat isu penempatan penduduk hampir selesai, rumah dan pampasan sudah disediakan iaitu membabitkan nilai RM102 juta, justeru, saya harap penduduk dapat beri kerjasama untuk menyempurnakan pemindahan masing-masing ke rumah baru di Sungai Duri.

"Baki struktur binaan komersial dan persendirian di tebing-tebing sungai ini perlu diroboh dan dibersihkan segera demi kelancaran projek yang dijangka siap November ini," katanya di sini baru-baru ini.

Turut serta, Timbalan Pengarah JPS Negeri, Md. Khuzai Hussain.

Tambah Kon Yeow, walaupun projek tersebut di bawah Kerajaan Pusat, beliau percaya kerjasama baik antara dua pihak (Kerajaan Negeri) mampu mempercepatkan ia (projek) terutamanya berkaitan masalah penempatan.

"Bagi Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11) akan datang, diharapkan Pulau Pinang (bakal) mendapat peruntukan sewajarnya dalam menyelesaikan masalah-masalah banjir terutamanya di Sungai Pinang yang memerlukan belanja besar," ujar beliau.

Dalam pada itu, menurut Md. Khuzai, adalah menjadi harapan beliau untuk melihat Kampung Che Isa, Kampung Teluk Ipil, Kampung Haji Che Omar, Kampung Teluk, Kampung India, Kampung Transkrian, Kampung Tanjung Berembang, Kampung Kepala Batas dan Jalan Persekutuan Datuk Keramat di sini bebas banjir.



CHOW Kon Yeow (kanan sekali) ditemani Md. Khuzai Hussain (tiga dari kiri) menunjukkan Sungai Kerian pada sesi lawatannya di sini baru-baru ini.

"Jika projek ini siap kelak, ia bakal membebaskan 20,000 penduduk daripada masalah banjir.

"Pada masa sama, juga bakal menyelamatkan sumber ekonomi penduduk yang bertani dan masalah kesesakan jalanraya apabila berlakunya banjir," jelas beliau sambil menyatakan bahawa punca kejadian banjir di kawasan-kawasan berkaitan adalah ekoran pendedahan kepada air pasang surut laut serta pertembungan air yang dilepaskan dari hulu ketika pintu air dibuka.

# Karpal Singh dalam kenangan...

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **MARK JAMES**

**GEORGE TOWN –** Genap setahun pemergian mendiang Karpal Singh, kehilangannya masih begitu dirasai rakyat Pulau Pinang dan juga seluruh negara.



KETUA Menteri sambil ditemani Jagdeep Singh Deo (kiri sekali), Ramkarpal Singh (dua dari kanan) dan Gobind Singh Deo (kanan sekali) memberi penghormatan pada upacara memperingati ulangtahun pertama pemergian mendiang Karpal Singh.

Sempena memperingati ulangtahun pertama pemergian mendiang, suatu upacara keagamaan Sikh, *Akhand Paath* diadakan selama tiga hari di Wadda Gurdwara Sahib, Jalan Gurdwara di sini baru-baru ini.

Anak kedua mendiang, Gobind Singh Deo yang juga Ahli Parlimen Puchong berkata, semua ahli keluarga hadir pada upacara membaca kitab suci Sikh, Sri Guru Granth Sahib termasuk sahabat handai mendiang.

“Setahun sudah berlalu sejak pemergian mendiang dan ia merupakan kehilangan yang bukan sahaja dirasai oleh ahli keluarga, malah semua rakyat Malaysia yang mengenali beliau semasa hayatnya.

“Kehilangan beliau tiada galang gantinya,” kata Gobind ketika ditemui di sini baru-baru ini.

Selain Gobind, turut kelihatan balu mendiang, Gurmit Kaur; anak-anak mendiang, Jagdeep Singh Deo yang juga merupakan Ahli Majlis Kerajaan Negeri yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat; Ramkarpal Singh (Ahli Parlimen Bukit Gelugor), Sangeet Kaur dan Man Karpal.

Turut kelihatan adalah cucu-cucu beliau.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng turut sama hadir dalam upacara keagamaan tersebut.

Mendiang Karpal Singh yang terkenal dengan jolokan 'Harimau Jelutong' maut akibat kemalangan jalan raya tahun lalu berhampiran kilometer 306 berdekatan Gua Tempurung, Lebuhraya Utara-Selatan.




SEORANG umum meneliti sepanduk 'Karpal Singh Dalam Kenangan' memberikan penghormatan di perkarangan luar Wadda Gurdwara Sahib, Jalan Gurdwara di sini baru-baru ini.



CUCU-cucu mendiang yang turut serta dalam upacara sembahyang.

# Kompleks Jln. Permai, tempat semula peniaga tanpa lesen - Exco

Oleh :**ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **MARK JAMES**

**SERI DELIMA –** Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, Pasar dan Kompleks Makanan Jalan Permai, Gelugor bernilai RM5 juta di sini dijangka siap pada akhir April ini.



REKA bentuk bangunan Pasar dan Kompleks Makanan Jalan Permai, Gelugor.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan lawatan di kawasan pemajuan, bersama-sama wakil pemaju, Tetuan Nuwata Sdn. Bhd., iaitu anak syarikat BSG Hartanah.

Menurut beliau, kompleks tersebut akan diserahkan kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) untuk penempatan semula penjaja berwajib serta penjaja tanpa lesen sekitar Gelugor.



*RAFFEL Park* yang diwujudkan menerusi sebagai CSR di atas sebidang tanah dekat Jalan Permai 5 di sini.

“Tujuan utama kompleks ini dimajukan adalah untuk menempatkan semula peniaga dan penjaja tanpa lesen di sekitar Gelugor,” ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota kepada wartawan di sini baru-baru ini.

Tambah Kon Yeow, kadar sewa bulanan yang dicadangkan bagi tiap-tiap lot gerai adalah RM350, tidak termasuk caj 6 peratus Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST).

Difahamkan, kompleks tersebut terdiri oleh 58 lot pasar serta 23 gerai makan dan minum dilengkapi dengan kemudahan tandas awam serta parkir.

Bercakap pada sidang media sama, Pengarah Jabatan Pelesenan MBPP, Azman Sirun memberitahu, majlis telah menerima kira-kira 400 pemohonan pada sesi temuduga kali pertama baru-baru ini dan 11 penjaja berwajib sekitar Gelugor telahpun diberikan tawaran untuk menyewa di kompleks yang baru itu.



CHOW Kon Yeow (kanan sekali) bersama-sama Azman Sirun (dua dari kanan) menerima penjelasan daripada wakil pemaju semasa mengadakan lawatan di tapak pemajuan Pasar dan Kompleks Makanan Jalan Permai di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, arkitek projek, Teng Pee Yang memberitahu bahawa, pihaknya turut membuat akses khas untuk membeli atau menghantar barang ke lot-lot gerai yang menjual makanan tidak halal.

Dalam perkembangan sama, pemaju turut membina taman mini yang dikenali sebagai “Raffel Park” di atas sebidang tanah dekat Jalan Permai 5 di sini, sebagai projek tanggungjawab sosial korporat (CSR) kepada MBPP dan komuniti.

“Di sini, terdapat kemudahan seperti trek pecut sepanjang 50 meter, joging, laluan berbasikal, gelanggang bola keranjang, taman permainan kanak-kanak, kawasan tempat duduk dan rehat berlindung,” ujar Pee Yang.

# Masa yang tepat LTAPP diperbesarkan - KM

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI & NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) perlu dinaiktaraf serta diperbesarkan dan kini adalah masa yang tepat, ujar Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Beliau berkata, terdapat peningkatan penggunaan LTAPP yang mana pergerakan pelancong berkembang daripada 5.5 juta pada tahun 2013 kepada 6 juta (2014).

"Penumpang telah meningkat sebanyak 10 peratus.

"Peningkatan ini menunjukkan sesuatu yang positif, walaupun tragedi melanda penerbangan negara tahun lalu.

"Saya yakin sudah tiba masanya ia dinaiktaraf dan diperbesarkan," ujarnya pada satu sidang media di sini baru-baru ini.

Memetik indikator ketibaan pelancong, LTAPP mencatatkan peningkatan 10 peratus iaitu 5,485,756 juta pelancong pada tahun 2013 kepada 6,034,593 (2014).

Justeru, Guan Eng pada satu sidang media berasingan menyatakan bahawa adalah tidak mustahil LTAPP mampu mencecah kapasiti 6.5 juta penumpang pada 2015.

Ketika diminta mengulas dakwaan Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Mahathir yang menyatakan bahawa cadangan pembinaan Lapangan Terbang Kulim bakal menfokuskan kepada kargo dan pembinaan, beliau berkata ia tidak akan menjejaskan lapangan terbang di Pulau Pinang, yang mana menfokuskan kepada 'penumpang'.

Guan Eng menegaskan bahawa terdapat pembesaran membabitkan syarikat-syarikat logistik di negeri ini.

"Contohnya, Nippon Express (M) Sdn. Bhd, FedEx dan TNT Express Worldwide (M) Sdn. Bhd..

"Pembesaran ini menunjukkan bahawa pergerakan kargo masih merupakan sebahagian besar dari operasi lapangan terbang di sini.

"Pulau Pinang merupakan lokasi popular dan pilihan, justeru, lapangan terbangnya perlu diperbesarkan," katanya sambil menyatakan bahawa Kerajaan Negeri telahpun membuat perancangan untuk menyediakan tanah bagi projek naiktaraf dan pembesaran LTAPP termasuk kerja-kerja menambak laut ratusan ekar di bahagian selatan LTAPP.



DR. Afif Bahardin (atas pentas, kanan sekali) melakukan demonstrasi CPR bersama-sama peserta lain pada Majlis Perasmian Karnival Mass CPR 2015 di sini baru-baru ini.

# Bengkel CPR, mungkin pecah rekod MBOR - Exco

Gambar : **KOAY SHIANN HUAH**

**AIR ITAM –** Seramai 6,000 pelajar dan orang awam menyertai bengkel resusitasi kardiopulmonari (CPR) di perkarangan Sekolah Menengah Han Chiang di sini baru-baru ini, sekaligus mungkin memecahkan rekod berwajib dalam *Malaysian Books of Records* (MBOR).

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Masyarakat, Dr. Afif Bahardin berkata, angka penyertaan itu lebih ramai berbanding 4,459 peserta yang menyertai program serupa di Johor pada tahun 2006.

"Saya langsung tidak terfikir yang hari ini, aktiviti *Mass CPR* ini akan melibatkan begitu banyak penyertaan daripada pelbagai lapisan masyarakat iaitu lebih 6,000 orang, yang seterusnya memungkinkan memecahkan rekod *Malaysian Books of Records*," ujarnya dalam nada kagum dan terkejut, semasa Majlis Perasmian Karnival Mass CPR 2015 di sini baru-baru ini.

Dr. Luah Lean Wah selaku pengerusi penganjur mewakili empat pertubuhan bukan kerajaan (NGO) iaitu *Penang CPR Society*, St. John Ambulans Malaysia, *Malaysian Red Crescent Society* dan *Lions Club International District 308 B2* turut berucap pada majlis bersejarah tersebut.



SALAH seorang peserta yang mengambil peluang melakukan pemeriksaan kesihatan.

Menurut Afif, karnival seumpama itu diharap dapat mendedahkan ilmu serta pengalaman kepada komuniti mengenai langkah kecemasan menyelamatkan nyawa seseorang yang diserang sakit jantung.

"Apabila jantung berhenti, dalam masa tiga hingga empat minit sahaja, mangsa mungkin akan mengalami kecederaan otak yang serius disebabkan kekurangan oksigen ke otak.

"Kecemasan ini berlaku di mana-mana tidak kira siang atau malam...lebih baik jika setiap orang tahu cara membuat CPR kerana ia (CPR) sememangnya boleh menyelamatkan seseorang, khasnya dalam saat-saat genting," seru beliau.



MOHD. Rashid Hasnon (barisan depan, dua dari kiri) merakamkan gambar bersama-sama peserta Majlis Dialog Komuniti 'Bagaimana Mikrokredit PTSR Boleh Bantu Peniaga Kecil?' di sini baru-baru ini.

# Pemohon PTSR dijangka meningkat selepas GST – Rashid

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**BUKIT TENGAH –** Bilangan pemohon pinjaman mikrokredit Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) oleh Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) bagi tahun ini dijangka meningkat secara mendadak, susulan langkah Kerajaan Pusat melaksanakan 6 peratus Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) mulai 1 April lalu.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon berkata demikian pada Majlis Dialog Komuniti 'Bagaimana Mikrokredit PTSR Boleh Bantu Peniaga Kecil?' di sini baru-baru ini.

"Untuk menampung kos sara hidup yang kian meningkat terutamanya apabila Kerajaan Pusat berdegil untuk melaksanakan GST, peniaga-perniaga kecil pun perlu bekerja lebih keras untuk hadapi semua ini.

"Saya puji semua di sini kerana PTSR yang Kerajaan Negeri sedia ini memang untuk modal peniaga kecil mengembangkan potensi perniagaan masing-masing," ujarnya juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak di Dewan Komuniti Taman Sireh di sini baru-baru ini.

ADUN Bukit Tengah, Ong Chin Wen dan Zolkifly Md. Lazim (Penaung Koperasi Pasar Aneka Taman Selat Butterworth Berhad, KPATSBB) dan Setiausaha Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Kebun Sireh, Bahrain Abd. Wahab turut berucap pada majlis tersebut.

Manakala, dialog dua hala PTSR pula dikendalikan oleh Pegawai PDC, Suhaidi Abu Bakar sebelum jamuan komuniti.

Dalam perkembangan sama, Mohd. Rashid turut merakamkan penghargaan kepada JKKK Kebun Sireh atas penganjuran program tersebut bersama-sama Pejabat Timbalan Ketua Menteri I Pulau Pinang.

Mohd. Rashid memberitahu, Kerajaan Negeri sejak pelancaran PTSR pada bulan Oktober 2009 dianggarkan memperuntukkan RM9 juta demi membantu peniaga-peniaga kecil di negeri ini.

Dari jumlah itu, beliau memberitahu, sebanyak RM8,524,630.40 telahpun diagihkan kepada 2,016 peminjam meliputi kelima-lima daerah di negeri ini.

"Seramai 1,691 Melayu dipilih menyertai sistem pinjaman mikrokredit ini, manakala, Cina dan India masing-masing seramai 159 orang dan 169 orang.

"Peminjam PTSR kali keempat pun telah ada diluluskan (PDC)...PTSR ini bukan geran sebagaimana diamalkan oleh pihak tertentu, tetapi, pinjaman mikrokredit yang kali pertama sahaja sifar faedah.

"Sebanyak 88 peratus (jumlah pinjaman mikrokredit PSTR) berjaya dikutip balik, manakala pinjaman tidak berbayar (NPL) hanya 12 peratus," ujarnya.

# Bantuan pembangunan sekolah Tamil, tadika diteruskan

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**GEORGE TOWN –** Sejak tahun 2009, Kerajaan Negeri memperuntukkan bantuan kewangan berjumlah RM1.75 juta kepada 28 buah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) di Pulau Pinang bagi tujuan pembangunan sekolah.

Malah, turut diumumkan pada tahun ini sejumlah RM100,000 diperuntukan sebagai bantuan khas kepada tadika-tadika di sekolah Tamil di negeri ini.

Inisiatif pemberian bantuan kewangan tersebut bukan sahaja untuk melaksanakan kerja-kerja penambahbaikan kemudahan infrastruktur, tetapi juga mewujudkan suasana sekolah yang kondusif dan selesa untuk pembelajaran.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan berkata, Kerajaan Negeri akan terus membantu meningkatkan taraf akademik sekolah-sekolah Tamil di negeri ini seperti yang dijanjikan.

"Pemberian bantuan kewangan ini telahpun memasuki tahun ketujuh sejak 2009 dan dianggap berjaya apabila penerima (sekolah-sekolah Tamil) berjaya menambahbaik kemudahan di sekolah masing-masing," ucapnya pada Majlis Penyampaian Cek Peruntukan Bantuan Kewangan Kerajaan Negeri kepada Sekolah-sekolah Tamil 2015 di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon; Prof. Dr. P. Ramasamy (Timbalan Ketua Menteri II selaku Exco Pendidikan), Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim; ADUN Batu Uban, Dr. T. Jayabalan dan A. Tanasekharan (ADUN Bagan Dalam).

Tambah beliau, selain menambahbaik kemudahan seperti pembinaan dewan sekolah, mewujudkan pondok bacaan, pondok menunggu dan stor alatan sukan, peruntukan tersebut juga digunakan untuk menaiktaraf tandas, lantai, longkang, bilik darjah, pejabat guru dan memperbaiki bumbung yang bocor.

"Pendek kata, Kerajaan Negeri telah membantu memperbaiki infrastruktur di sekolah-sekolah Tamil di Pulau Pinang sehinggakan ia dikatakan sebagai yang terbaik di seluruh negara dari segi kemudahan fizikal," ujarnya yang berharap agar prestasi cemerlang dapat ditonjolkan para pelajar di sekolah-sekolah Tamil terutama dalam peperiksaan awam negara.

Serentak itu, beliau turut mengumumkan bahawa Kerajaan Negeri juga merancang untuk membuka dua buah tadika lagi di sekolah Tamil dalam masa tiga tahun ini.




**KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri bergambar kenangan bersama-sama sebahagian penerima sumbangan Majlis Penyampaian Cek Peruntukan Bantuan Kewangan Kerajaan Negeri kepada Sekolah-sekolah Tamil 2015 di sini baru-baru ini.**

Mengulas lanjut, Guan Eng turut meluahkan rasa terkilan kerana ada pihak yang tidak bertanggungjawab cuba mendesak supaya sekolah Tamil ditutup.

"Hak mewujudkan sekolah Tamil dan sekolah Cina telah termaktub dalam Perlembagaan Malaysia dan tidak ada pihak yang harus mempersoalkannya lagi," tegasnya.

Sebagai tambahan, Guan Eng juga telah menulis kepada Menteri Pendidikan yang juga Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yasin menyatakan kesediaan Kerajaan Negeri menawarkan tanah sebagai ganti untuk kebenaran mendirikan sekolah menengah Tamil di Pulau Pinang.

"Malangnya, permintaan ini tidak diberikan pertimbangan wajar dengan memberi alasan bahawa Akta Pendidikan Negara tidak membenarkan sekolah menengah dalam aliran Tamil," ujar beliau dalam nada terkilan.

## Kerjasama swasta bina rumah demi rakyat

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **OOI ENG KEAT**



**JAGDEEP Singh Deo (lima dari kiri) bergambar kenangan dengan para pembeli unit rumah Projek Ramah Pavillion Taman Ria pada Majlis Cabutan Undi dan Menandatangani Surat Persetujuan Jual Beli di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN –** Dalam komitmen memastikan rakyat Pulau Pinang dapat memiliki kediaman sendiri, Kerajaan Negeri serta pihak swasta akan terus menjalinkan kerjasama bagi membina rumah-rumah kos rendah (KR), kos sederhana rendah (KSR) dan rumah mampu milik (MM) di negeri ini.

Perkara tersebut diulas Exco Perancang Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo pada Majlis Cabutan Undi dan Menandatangani Surat Persetujuan Jual Beli Rumah MM Ramah Pavillion dan KR serta KSR Taman Ria, Teluk Kumbar di sini baru-baru ini.

"Hasil kerjasama antara Kerajaan Negeri dan pemaju swasta, sebanyak 135 unit rumah kos rendah (KR) serta 135 unit rumah kos sederhana rendah (KSR) bakal diserahkan kepada pemilik masing-masing yang telah menandatangani borang jual beli bagi projek perumahan ini.

"Malah, sejak mengambil alih pemerintahan pada 2008, Kerajaan Negeri telah membina 12, 471 unit rumah kos rendah (KR) dan 7, 608 unit rumah kos sederhana rendah (KSR) di seluruh negeri Pulau Pinang.

"Sebanyak 820 rumah kos rendah (KR) dan 7,874 rumah kos sederhana rendah (KSR) sedang dibina lagi," ucapnya pada majlis berkaitan.

Turut hadir, Pengarah Urusan M Summit Group, Datuk Albert Moh yang merupakan pemaju bagi projek perumahan berkaitan.

Mengulas lanjut, Jagdeep menafikan dengan sekeras-kerasnya dakwaan pihak yang menyatakan bahawa Kerajaan Negeri langsung tidak membina rumah jenis-jenis disebutkan untuk kepentingan rakyat di negeri ini.

"Kerajaan Pusat melalui skim Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) jelas lebih teruk apabila masih gagal menyatakan permohonan untuk membina projek PR1MA untuk rakyat negeri ini," tegas beliau.

Beliau memberitahu, usaha Kerajaan Negeri melalui Program Mission Home Possible dapat dilihat melalui kesedaran dan peratusan permohonan yang amat ketara kini.

Dalam pada itu, Albert menyatakan bahawa projek Ramah Pavillion Taman Ria yang dimulakan awal tahun 2015 dijangka dapat disiapkan pada 2017.

"Projek yang menyediakan 759 unit rumah ini menyasarkan golongan muda dan eksekutif yang tinggal di kawasan Bayan Lepas," jelas beliau.

## Mangsa langgar dapat perhatian Kerajaan Negeri



**R.S.N. Rayer (empat dari kanan) sambil diperhatikan Prof. Dr. P. Ramasamy (dua dari kanan), Jagdeep Singh Deo (kanan sekali) dan Ramkarpal Singh (empat dari kiri) menyampaikan sumbangan kepada adik S. Nanthakumar.**

Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**GEORGE TOWN –** Mangsa kemalangan langgar lari, S. Nanthakumar, 28, baru-baru ini menerima bantuan sumbangan sebanyak RM11,000 pihak Kerajaan Negeri di sini baru-baru ini.

"Diharap dengan sumbangan ini ianya dapat meringankan beban keluarga mangsa yang memerlukan dana RM50,000 untuk melakukan pembedahan di sebuah hospital swasta dekat George Town," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Perai kepada wartawan di sini baru-baru ini.

Menurut Ramasamy, Lembaga Wakaf Hindu Pulau Pinang (HEB) menyumbang sebanyak RM10,000, manakala baki RM1,000 lagi diderma secara berkelompok oleh Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan merangkap ADUN Datuk Keramat, Jagdeep Singh Deo, Ramkarpal Singh (Ahli Parlimen Bukit Gelugor), R.S.N. Rayer (ADUN Seri Delima) dan A. Tanasekharan (ADUN Bagan Dalam).

Bercakap pada kenyataan sama, isteri mangsa, K. Daivaani, 28, memberitahu bahawa suaminya kini berdepan risiko kemungkinan lumpuh setelah terlibat dengan kemalangan di Lubuk Buntar, Kedah baru-baru ini.

Mangsa mempunyai tiga anak.

Hubungi talian 019 – 409 8358 untuk mendapatkan maklumat lanjut serta menyalurkan bantuan sumbangan.



**K. Daivaani (kiri sekali) menunjukkan sumbangan cek-cek yang diterima daripada HEB dan ADUN-ADUN Kerajaan Negeri di sini baru-baru ini.**

# KDU, DSU jalin kerjasama animasi digital

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

**GEORGE TOWN –** Kolej Universiti KDU (KDU) Pulau Pinang baru-baru ini memeterai memorandum perjanjian (MoA) bersama-sama Universiti Dongseo (DSU), Korea Selatan, dalam usaha meningkatkan lagi penglibatan, rangkaian global dan kerjasama strategik dalam bidang pendidikan.

Majlis menandatangani perjanjian tersebut disaksikan oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Guan Eng berkata, usaha Kerajaan Negeri dalam memartabatkan bidang pendidikan di negeri ini semakin kukuh dengan perjanjian kerjasama dan hubungan strategik antara kedua-dua universiti berkenaan.

Jelasnya, kerjasama melalui penawaran dua bidang pengajian baru (dwi-ijazah) iaitu Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dalam Multimedia Kreatif dan Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dalam Komunikasi (pengkhususan Media Baharu), dapat membuka ruang ke arah mencapai hasrat Kerajaan Negeri untuk menjadi hab global bagi industri multimedia kreatif.

"Kerjasama ini menjadi sebahagian inisiatif Kerajaan Negeri dalam mempromosikan kualiti pendidikan bermutu sekaligus meningkatkan profil akademik negeri Pulau Pinang ke peringkat global.



PERMANDANGAN KDU Pulau Pinang.

"Di samping itu, ia juga dilihat menyokong prinsip dalam membawa hasrat Kerajaan Negeri ke arah sebuah negeri bertaraf antarabangsa dan pintar," ucapanya pada Majlis Pemeteraian MoA Antara KDU Pulau Pinang dan DSU, Korea Selatan di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif KDU Pulau Pinang, Dr. Chong Beng Keok; Presiden DSU, Prof. Dr. Jekuk Chang; Dekan Perhubungan Antarabangsa DSU, Prof. Dr. Chan Chung, Pengurus Besar investPenang, Loo Lee Lian dan Setiausaha Politik kepada Y.A.B. Ketua Menteri, Wong Hon Wai.

Univeristi Dongseo yang terletak di daerah Busan, Korea Selatan merupakan salah sebuah universiti terkemuka di negara berkaitan dan mempunyai kira-kira 12,000 siswazah dari 27 negara seluruh dunia.

Dalam pada itu, Beng Keok yang juga Pengetua KDU Pulau Pinang berkata, kerjasama tersebut merupakan komitmen bagi membolehkan kedua-dua universiti di dua buah negara merapatkan hubungan dalam bidang pengajian akademik dan penyelidikan serta berkongsi maklumat semasa dalam bidang pendidikan.


(Dari kiri), DR. Chong Beng Keok, Ketua Menteri dan Prof. Dr. Jekuk Chang berjabat tangan meraikan kejayaan pemeteraian MoA antara KDU Pulau Pinang dan DSU, Korea Selatan di sini baru-baru ini.

"Pelajar yang mengikuti salah satu dari bidang pengajian ditawarkan dikehendaki menamatkan dua tahun pertama di KDU dan baki dua tahun terakhir di DSU.

"Ini termasuk latihan komprehensif dalam kandungan digital, informasi, animasi digital, kesan bunyi dan penerbitan," jelas beliau.

## P.Pinang ke arah bandar raya pintar pelancongan perubatan

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**GEORGE TOWN –** Pulau Pinang menyumbang dua pertiga daripada pendapatan pelancongan perubatan dalam negara," kata Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng di sini baru-baru ini.

Beliau berkata demikian pada Majlis Pembukaan Pusat Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) Kemudahan Klinik Osel oleh GeneNews Diagnostik di sini baru-baru ini.

Katanya, statistik Persatuan Kesihatan Pulau Pinang mendedahkan bahawa pendapatan pelancongan perubatan negeri ini meningkat kira-kira 14 peratus pada tempoh dua tahun iaitu 2012 dan 2013.

"Jumlah keuntungan yang dicatatkan pada tahun 2012 adalah sebanyak RM320 juta, manakala RM370 juta (2013).

"Bagi jumlah pelancong kesihatan, ia mencatatkan kemasukan 297,850 pelancong pada tahun 2012 dan 351,673 (2013)," jelas beliau.

Klinik Osel (Osel) adalah sebuah butik perubatan unik memfokuskan kesihatan, diagnostik dan perubatan regeneratif yang menawarkan pemeriksaan menggunakan teknologi canggih.

R&D yang dijalankan Osel bakal membolehkan proses saringan dilakukan dengan berkesan dan mampu mewujudkan satu platform yang mana penyakit dapat dikesan sebelum ianya dihidapi oleh seseorang.

Hadir sama ke majlis berkaitan, Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari, Pengerusi GeneNews Diagnostik merangkap Ketua Penyelidikan Sains Osel, Profesor Datuk C. C. Liew dan Presiden Persatuan Wu Lien Teh, Datuk Dr. Anwar Fazal.

Menurut Guan Eng, pembukaan Osel adalah bertepatan dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai hab nombor satu destinasi pelancongan perubatan dalam negara.

"Pulau Pinang kini boleh berbangga apabila memimpin dari segi pelancongan perubatan di Malaysia.

"Untuk menjadi sebuah bandaraya pintar pelancongan perubatan, kita (Pulau Pinang) mesti berupaya menawarkan perkhidmatan bertaraf dunia dan hari ini kita (Pulau Pinang) telah mengambil satu langkah lebih dekat dengan matlamat tersebut.

"Dengan adanya fasiliti seumpamanya di sini bersama-sama dengan gabungan doktor, saintis dan ahli akademik, ia mampu menyumbang kepada kemajuan masa depan perubatan dalam meramal dan mencegah penyakit berbahaya," ujar beliau.



RUPA bentuk bangunan Osel.

## Kematian tahanan, cadang undang-undang dikemaskini

Gambar : **G. REVATIC**

**GEORGE TOWN –** Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy mempersoal tindakan Peguam Negara yang seakan-akan diam berkaitan isu kematian dalam tahanan Polis di-Raja Malaysia (PDRM).

Jelasnya, sejak tahun 2005 sehingga kini, terdapat lebih 100 kematian dicatatkan melibatkan tahanan di bawah PDRM.

"Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, begitu ramai tahanan yang mati ketika ditahan di bawah tahanan polis sedangkan undang-undang jelas menyatakan bahawa semua prosedur perlu diikuti bagi memastikan individu yang ditahan untuk siasatan, selamat.

"Sebarang bentuk kekerasan tidak kira dalam bentuk apa sekalipun tidak harus dibenarkan ketika tahanan berada di bawah jagaan polis," katanya kepada pemberita di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo.

Mengulas lanjut, Ramasamy turut mengulas keputusan Koroner Mahkamah Tinggi, Ahmad Bache yang mendapati bahawa pihak polis telah bertindak cuai dan tidak berperikemanusiaan kepada P. Chandran, tahanan yang mati pada September 2012.

"Penelitian pada kamera litar tertutup (CCTV) mendapati Chandran agak tidak bermaya selama hampir 12 jam dan kematiannya dicatat sebagai *hypertension heart disease*. Mangsa juga tidak diberikan sebarang ubat-ubatan mahupun rawatan semasa dalam tahanan polis sehingga menyebabkan kematiannya.

"Malah, apa yang lebih mengecewakan, pihak polis dan Kementerian Kesihatan seolah-olah bekerjasama dalam kes-kes ini kerana hampir 90 peratus kematian dalam tahanan berlaku kerana mangsa mempunyai rekod masalah kesihatan.

"Ia juga menjadi misteri, terutamanya ada kes-kes di mana terdapat kesan lebam-lebam di badan," tegas beliau.

Di Pulau Pinang, menurut Ramasamy, sehingga kini terdapat enam kes kematian dalam tahanan.


PROF. Dr. P. Ramasamy (kiri) dan Jagdeep Singh Deo dalam sidang akhbar di sini baru-baru ini.

Lanjutan itu, beliau memberitahu, sebuah jawatankuasa khas telah ditubuhkan tahun lalu bagi memantau kes-kes melibatkan kematian dalam tahanan di Pulau Pinang dan melantik peguam berwajib bagi membela keluarga mangsa -mangsa terbabit..

"Pasukan petugas khas ini diketuai oleh saya sendiri dengan keanggotaan dua orang exco lain iaitu Dr. Afif Bahardin (Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan) dan Jagdeep," ujarnya yang berharap pihak polis dapat memberi kerjasama berhubung kes yang melibatkan kematian tahanan.

Dalam pada itu, Jagdeep berkata, dalam kebanyakan kes berkaitan, banyak berlaku budaya 'lepas tangan' sehingga menyebabkan kes yang sama berulang.

"Seksyen 334 Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593) telah memperuntukkan bahawa siasatan boleh diadakan mengenai punca kematian apabila seseorang itu mati dalam tahanan polis.

"Undang-undang ini jelas, jadi mengapa tiada tindakan diambil untuk enam kematian tersebut (merujuk kepada kes di Pulau Pinang)," tegas beliau.

Justeru, Jagdeep mencadangkan supaya undang-undang dikemaskini bagi membolehkan kerajaan dan pegawai polis bertugas bertanggungjawab secara automatik ke atas sebarang kecederaan atau kematian dalam tahanan.

# Kerjasama PBAPP, TSS lahirkan operator berwibawa

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN** – Seramai 18 kakitangan daripada 11 organisasi bekalan air di Malaysia berjaya menamatkan Kursus Latihan Amali Air Tidak Terhasil *(Non-Revenue Water, NRW)* dan menerima sijil masing-masing di sini baru-baru ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bekalan Air Holdings Berhad (PBAHB), Ir. Jaseni Maidinsa dalam kenyataan akhbarnya memberitahu bahawa kursus berkisarkan *'NRW: Reduction Technology Training and Capacity Building'* tersebut dianjur oleh Tokyo Suido Services Co. Ltd. (TSS) bersama-sama Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. (PBAPP) menerusi program JPP iaitu Program Perkongsian Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun (JICA).

Jelasnya, kursus julung kali diadakan tersebut dikendalikan Akademi Perkhidmatan Air Pulau Pinang (PWSA) selama tiga hari bermula 26 hingga 28 Januari lalu.

"Sambutan yang diberikan adalah amat menggalakkan dengan bantuan PWSA dan ini merupakan satu peristiwa penting di mana 11 operator pembekal air di Malaysia hadir menyertai dan berjaya menamatkan kursus ini," katanya di sini baru-baru ini.

Selain Air Kelantan Sdn. Bhd. (AKSB), Jabatan Bekalan Air Labuan, Jabatan Bekalan Air Sabah, JKR Sarawak, Lembaga Air Perak (LAP), Pengurusan Air Pahang (PAIP), Syarikat Air Darul Aman (SADA – Kedah), Syarikat Air Johor Holding (SAJH), Syarikat Air Melaka Berhad (SAMB), Syarikat Air Terengganu (SATU) dan Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas) turut sama menamatkan kursus berkenaan.

Sijil disampaikan oleh Pengarah Jabatan Bekalan Air, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA), Mohd. Hizan Kamaruzaman.

Turut hadir, Konsul Besar Jepun, Ryoji Noda; wakil Ketua JICA (Malaysia), Matsumoto Kojiro; Pengarah TSS, Masanori Takizawa dan Pengurus Besar TSS, Hajimie Horiguchi.

Jaseni yang juga Pengurus Besar PBAPP memberitahu, antara objektif lain penganjuran kursus tersebut adalah untuk berkongsi teknologi pengurusan NRW, metodologi dan kepakaran operator air TSS di Malaysia.

"Pada tahun 2013, peratusan purata kebangsaan NRW, seperti dilaporkan *Malaysia Water Industry Guide*, adalah 36.6 peratus. PBAPP mencatatkan 18.2 peratus untuk negeri Pulau Pinang. Tetapi TSS berjaya mencatatkan 3.3 peratus untuk Tokyo.

"Oleh demikian, pengurusan NRW penting, ia akan membezakan antara mengenakan atau mengelakkan catuan air semasa musim kemarau yang panjang," katanya yang berikrar akan terus komited menjayakan program JPP untuk manfaat semua.

Tambah Jaseni, pada Mac 2014, PBAPP dan TSS menandatangani perjanjian persefahaman untuk bekerjasama melalui program JPP dengan dana berjumlah RM1.6 juta bagi meningkatkan pengurusan NRW di Pulau Pinang.

Dalam perkembangan sama, tujuh kakitangan PBAPP turut menerima sijil pentauliahan sebagai tenaga pengajar NRW dari TSS.


FLICKS
CELEBRATE YOUR TALENT
FIESTA

Penganjur
KDU COLLEGE
FLICKS FIESTA celebrate your talent

Kerjasama dengan
PWDC

BERANI UNTUK BERIMPIAN !

SEBARKAN MESEJ ANDA, SUARAKAN PENDAPAT ANDA, SERLAHKAN BAKAT ANDA BERSAMA KDU FLICKS FIESTA DENGAN PERBADANAN PEMBANGUNAN WANITA PULAU PINANG.

MASUK PERCUMA

PWDC

Kategori 1 - PSA
Murid Sekolah Menengah
PSA Terbaik Tentang "Gender Equality" @ Anugerah "Gender Equality" PWDC
• (RM500 + Sijil PWDC + Piala)

Kategori 2 - Filem Pendek, Dokumentari
Pelajar Kolej / Universiti
Pengarah Harapan Wanita Terbaik @ Anugerah Harapan PWDC
• (RM500 + Sijil PWDC + Piala)

KDU College

Kategori 1 - PSA
Pelajar Sekolah Menengah
• "Likes" terbanyak di Facebook
• PSA terbaik
• (Sijil + Piala + Hadiah)

Kategori 2 - Filem Pendek, Dokumentari
Pelajar Kolej / Universiti
• Filem pendek terbaik
• Dokumentari terbaik
• Suntingan terbaik
• Sinematografi Terbaik
• Idea Kreatif Terbaik
• (Sijil + Piala + Hadiah)

Tarikh: 15th Mei 2015 (Jumaat) Masa: 7pm - 10pm Tempat: Auditorium KDU Penang (Tingkat 6)

Penaja Utama:
VENESSA DIAMONDS diamoneer
LOL creativexperts
luminescence

Penaja Sampingan:
BODY FACTORY
Archi INT DESIGN
LVD SALON


## Kaunter pandu lalu JKM, mudahkan OKU & warga emas



**DR. Zaitol Salleh (dua dari kiri) menyampaikan kerusi roda kepada salah seorang penerima pada majlis khas yang diadakan.**

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN** – Warga emas dan orang kurang upaya (OKU) Daerah Timur Laut (DTL) kini mampu menikmati pelbagai perkhidmatan ditawarkan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang (JKMNPP) dengan lebih selesa dan efisien ekoran pelancaran kaunter pandu lalu di Kompleks Masyarakat Penyayang (KMP) di sini baru-baru ini.

Kaunter yang dibuka setiap Rabu dan Khamis bermula jam 9 pagi hingga 12 tengah hari tersebut menawarkan perkhidmatan pendaftaran membabitkan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), penyerahan dan semakan kad OKU serta perkhidmatan berkaitan golongan warga emas.

Mantan Pengarah Jabatan JKMNPP, Dr. Zaitol Salleh ketika merasmikan perasmian tersebut berkata, inisiatif yang diperkenalkan adalah bertujuan memudahkan masyarakat setempat terutamanya warga emas dan golongan OKU mendapatkan perkhidmatan dari pejabat terbabit tanpa perlu ke tingkat atas bangunan KMP.

"Kita (JKMNPP) sentiasa bersiap-siaga menambah baik mutu perkhidmatan yang diberikan kepada masyarakat.

"Adanya kaunter sebegini, mereka (OKU dan warga emas) tidak perlu lagi ke tingkat atas bagi mendapatkan perkhidmatan." ujarnya pada Majlis Perasmian Kaunter Pandu Lalu Pejabat JKMNPP Daerah Timur Laut di KMP di sini baru-baru ini.

Menurut Zaitol, kaunter seumpamanya telah mula diperkenalkan di beberapa daerah di Pulau Pinang seperti Daerah Barat Daya (DBD) dan Seberang Perai Selatan (SPS) sebelum ini.

"Kita (JKM) bukan sahaja bersedia menambah baik perkhidmatan, sebaliknya kakitangan JKM perlu menjalankan tugas dan amanah yang diberikan dengan baik dan ikhlas hati," ujar beliau.

Sebarang keterangan lanjut sila emel kepada, *pkmdtimurlaut@yahoo.com* atau

# Persekutuan Malaysia: Suatu kenyataan yang bercanggah?

Oleh: **ZAIRIL KHIR JOHARI**
**Ahli Parlimen Bukit Bendera merangkap Pengarah Eksekutif Penang Institute**

**PADA** 6 September 1963, pemeteraian perjanjian antara rakyat Malaya, Sabah, Sarawak dan Singapura telah membawa kepada pembentukan sebuah negara berdaulat baru yang dikenali sebagai Persekutuan Malaysia.

Dengan lahirnya negara baru ini, hatta zahirlah iltizam baru yang menjanjikan keselamatan bersama, pembangunan terangkum dan perkongsian saksama kekayaan semulajadi negara. Janji-janji ini kemudiannya termaktub dalam dokumen yang ditegakkan sebagai undang-undang tertinggi negara, yakni Perlembagaan Persekutuan.

Malangnya, keterujaan perjanjian baru ini tidak bertahan lama. Ketegangan dalaman dan luaran mula meningkat setelah gabungan pemerintah Parti Perikatan mendapati mereka makin kehilangan sokongan kepada parti haluan kiri, khususnya di peringkat kerajaan tempatan.

Pada tahun 1964, rusuhan kaum berlaku dua kali di Singapura. Ini diikuti dengan pemisahan negara-kota itu pada tahun berikutnya. Situasi luaran pula kian meruncing apabila Konfrontasi diisytiharkan oleh Indonesia. Justeru, Kerajaan Persekutuan Perikatan bertindak menggantung pilihan raya kerajaan tempatan atas alasan mahu mengekalkan keamanan dalam keadaan darurat. Pun begitu, mereka juga berjanji akan mengembalikan semula hak tersebut pada masa hadapan.

Pada awal 1970-an, pertikaian dengan Indonesia dan Filipina telah pun reda dan Perikatan telah berkembang membentuk gabungan besar Barisan Nasional (BN). Penyerapan Kerajaan-kerajaan Negeri Kelantan dan Pulau Pinang yang kedua-duanya diterajui parti pembangkang sekaligus mengukuhkan cengkaman parti pemerintah di setiap peringkat kerajaan. Sesudah menikmati penguasaan yang hampir mutlak ini, tidak mengejutkan bahawa mereka tidak ingin mengambil risiko kehilangan kawalan ke atas pihak-pihak berkuasa tempatan, sebagaimana sebelum 1965. Justeru, walaupun bertentangan dengan cadangan Laporan Suruhanjaya Siasatan DiRaja Athi Nahappan, undi ketiga telah terhapus sama sekali dengan pemansuhan pilihan raya kerajaan tempatan.

Maka dengan itu, mulalah merebaknya corak pemusatan kuasa yang akhirnya menyaksikan peningkatan kawalan dan pengambilalihan fungsi kerajaan tempatan dan negeri oleh Kerajaan Persekutuan. Perkembangan ini lantas menimbulkan persoalan sama ada Persekutuan Malaysia sudah menjadi suatu kenyataan yang bercanggah.

**Persekutuan yang paling terpusat di dunia?**

Sudah tentu, sekurang-kurangnya pada nama dan zahirnya, Malaysia adalah sebuah negara persekutuan. Dari segi struktur, negara kita terdiri daripada negeri-negeri bersekutu yang disatukan di bawah naungan kerajaan persekutuan, sepertimana negara-negara bersekutu lain seperti Amerika Syarikat, Jerman, India dan Australia.

Dalam sebuah persekutuan, pembahagian kuasa antara negeri dan persekutuan biasanya dinyatakan dengan jelas dalam perlembagaan negara. Sebarang perkiraan perkongsian kuasa umumnya mengamanahkan negeri untuk mentadbir hal ehwal yang melibatkan kehidupan seharian, seperti pengangkutan awam, pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam. Sementara itu, kerajaan persekutuan umumnya bertanggungjawab ke atas perkara-perkara seperti hubungan antarabangsa dan keselamatan luar.

Dimeteraikan secara berperlembagaan, kontrak persekutuan antara kerajaan persekutuan dan negeri ini sangat jarang diubah. Secara lazimnya, mekanisme perlindungan seperti keperluan majoriti dua pertiga bagi sebarang pindaan perlembagaan akan memastikan perubahan sewenang-wenangnya tidak berlaku.

Serambi PENANG INSTITUTE making ideas work

Walau bagaimanapun, hampir lima dekad dominasi tidak terkawal oleh Perikatan dan kemudiannya BN ke atas tampuk kerajaan persekutuan telah menyaksikan penyelewengan berleluasa mandat dua pertiga ini. Akibatnya, kawalan ke atas bidang tadbir urus yang lazimnya merupakan bidang kuasa pihak berkuasa tempatan atau peringkat negeri kini telah berpindah kepada Kerajaan Persekutuan. Sebagai contoh, Akta Kerajaan Tempatan 1976 telah dipinda beberapa kali untuk membenarkan Kerajaan Persekutuan mengambil alih pentadbiran pembetungan, pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam.

Selain itu, Kerajaan Persekutuan juga mengawal banyak sektor-sektor lain seperti pengangkutan awam, utiliti, pendidikan, agama dan juga kebajikan sosial. Bermula 2016, tandas awam pun akan diuruskan oleh kerajaan pusat.

Justeru, adalah tidak keterlaluan jika Persekutuan Malaysia disimpulkan sebagai persekutuan yang paling terpusat di dunia.

**Pemusatan berlebihan meningkatkan gejala rasuah, ketidakcekapan dan ketidakberkesanan kerajaan**

Dalam tempoh lima dekad yang terakhir, semangat asal perjanjian persekutuan bukan sahaja dicurangi, malah agenda pemusatan sistematik yang berlaku telah menyaksikan penumpuan kuasa yang keterlaluan di tangan Kerajaan Persekutuan. Tindakan ini mengakibatkan tiga kesan langsung.

Pertama, pemusatan berlebihan ini mempertingkatkan skala rasuah dan politik naungan. Jelas bahawa Kerajaan Persekutuan cenderung untuk merebut kuasa dalam bidang tadbir urus yang melibatkan kontrak pengurusan, pelesenan, serta projek-projek infrastruktur. Tambahan pula, skop projek yang dirancang dari pusat juga biasanya lebih besar dan lebih menguntungkan. Maka, lebih banyak kuasa yang terpusat, lebih banyak projek mewah boleh dikurniakan kepada naungan.

Kedua, tindakan memusatkan segala urusan pastinya akan menyebabkan ketidakcekapan. Hal ini jelas, terutamanya dalam bidang seperti pengangkutan awam yang memerlukan pengetahuan tempatan, kebertanggungjawaban langsung, dan lebih penting lagi, daya respons yang segera. Kerana ini, pengangkutan awam di hampir setiap negara di dunia biasanya diuruskan oleh pihak berkuasa tempatan. Namun begitu, di Malaysia peranan ini dimainkan oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), sebuah agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Adalah tidak mengejutkan bahawa tindakan ini menyebabkan ketidakcekapan. Jika sebarang perubahan laluan bas atau penempatan hentian bas memerlukan kelulusan Persekutuan, cuba bayangkan betapa menyakitkan dan mengecewakan proses penambahbaikan pengangkutan awam. Di Pulau Pinang umpamanya, perubahan laluan bas di Bukit Mertajam baru-baru ini telah mengambil masa lebih setahun untuk mendapatkan kelulusan SPAD. Ini juga bermaksud bahawa kebertanggungjawaban berkaitan isu setempat akan kabur, kerana orang ramai tidak mempunyai cara untuk menuntut kebertanggungjawaban langsung melalui pilihan raya.

Ketiga, pemusatan kuasa berlebihan juga menjadikan negeri dan pihak berkuasa tempatan tidak efektif. Bagaimanakah kerajaan negeri dapat melaksanakan mandatnya apabila ia tidak memiliki sebarang kawalan ke atas tadbir urus perkhidmatan yang bersifat tempatan seperti pengangkutan awam, pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam?

Lebih teruk lagi, usaha untuk membuat pembaharuan juga kadang-kadang sengaja digagalkan oleh Kerajaan Persekutuan. Sebagai contoh, Kerajaan Negeri Pulau Pinang beberapa tahun lalu membuat tawaran untuk membayar pengendali bas sedia ada, RapidPenang, bagi menyediakan perkhidmatan bas percuma di seluruh negeri pada waktu puncak. Cadangan ini merupakan idea radikal untuk menggalakkan penggunaan bas dengan tujuan mengurangkan kesesakan lalulintas di Pulau Pinang. Malangnya, atas sebab-sebab yang hanya diketahui oleh diri mereka sendiri, syarikat bas milik Kementerian Kewangan itu memutuskan untuk menolak pendapatan terjamin yang ditawarkan.

Satu lagi ketimpangan utama kerajaan negeri akibat pemusatan yang keterlaluan adalah kekurangan kemandirian kewangan. Setelah sebegitu banyak sektor dipusatkan selama ini, tidak mengejutkan apabila lebih daripada 90 peratus perbelanjaan negara kita datangnya daripada Kerajaan Persekutuan. Sebaliknya, belanjawan tahun 2015 bagi Kerajaan Negeri Pulau Pinang hanya bersamaan dengan 0.4 peratus daripada Belanjawan Persekutuan, meskipun Pulau Pinang adalah negeri kedua dari segi perindustrian dan pembangunan di Malaysia.

Dalam kebanyakan sistem persekutuan, biasanya terdapat perkongsian pendapatan yang akan memastikan pengagihan semula cukai daripada kerajaan pusat kepada negeri berdasarkan formula yang mengambil kira sumbangan sesuatu negeri serta tahap pembangunannya.

Namun, dalam model Malaysia, negeri hanya menerima peruntukan tetap daripada Kerajaan Persekutuan dalam bentuk Pemberian Ikut Kepala (Capitation Grant), Pemberian Jalan Negeri (State Road Grant) serta geran-geran kecil untuk projek-projek pihak berkuasa tempatan. Sebagai contoh, jumlah geran yang diterima oleh negeri Pulau Pinang berjumlah sekitar RM150 juta setahun, iaitu kira-kira 10 hingga 15 peratus daripada belanjawan negeri. Ini bermakna bahawa Kerajaan Negeri tidak mempunyai sumber pendapatan selain pendapatan daripada hartanah, tanah, lombong, hutan dan taksiran pihak berkuasa tempatan.

Jika kekangan ke atas negeri tidak mencukupi, pindaan tahun 1976 kepada Perkara 111 Perlembagaan Persekutuan pula menghalang kerajaan-kerajaan negeri bukan sahaja daripada mengambil pinjaman tetapi juga daripada menjamin pinjaman untuk syarikat berkaitan kerajaan, kecuali dengan kelulusan Perbendaharaan Persekutuan. Oleh itu, negeri-negeri bukan sahaja sangat terhad dari segi pendapatan, mereka juga sangat bergantung kepada ihsan Kerajaan Persekutuan dalam pelaburan infrastruktur berskala besar.

**Mengembalikan semangat persekutuan**

Adalah jelas bahawa amalan dan semangat persekutuan telah diselewengkan di Malaysia, sehingga wujudnya monopoli Kerajaan Persekutuan ke atas hampir setiap bidang penting. Ini bukan sahaja meluaskan skop dan skala rasuah dan membolehkan lebih banyak kuasa naungan dari pusat, ia juga telah menyebabkan ketidakcekapan pentadbiran yang melumpuhkan fungsi kerajaan tempatan dan negeri. Lebih pentingnya, agenda pemusatan jelas meninggalkan kesan politik yang besar, iaitu pengukuhan cengkaman kuasa parti pemerintah.

Melangkah ke hadapan, satu formula pengagihan kuasa pusat atau desentralisasi yang dirancang dengan teliti diperlukan untuk menyusun semula struktur negara kita kepada yang lebih hampir dengan cita-cita asal kontrak persekutuan. Pada masa yang sama, pembahagian kuasa yang adil juga akan memperkasakan rakyat Malaysia dengan menjaminkan kerajaan yang lebih bertanggungjawab di peringkat negeri dan tempatan.

Dalam hal tadbir urus, kecekapan boleh dipertingkatkan melalui desentralisasi dalam banyak sektor seperti pendidikan, pengangkutan awam, kebajikan sosial, pengurusan sisa pepejal, pembetungan dan pembersihan awam. Dari segi kewangan, rejim pengagihan semula cukai yang lebih saksama diperlukan untuk memastikan kerajaan-kerajaan negeri boleh berfungsi dengan lebih efektif tanpa bergantung kepada Kerajaan Persekutuan semata-mata. Amalan ini akan menggalakkan autonomi dan seterusnya persaingan yang lebih hebat di antara negeri demi kemaslahatan rakyat.

Akhirnya, sistem tadbir urus yang diagihkan dengan baik akan memastikan peningkatan kecekapan, keberkesanan dan kebertanggungjawaban kerajaan, sekaligus memenuhi janji-janji demokrasi yang lebih besar dan pembangunan sosial saksama yang termaktub dalam kontrak persekutuan yang ditandatangani lima dekad yang lalu.



ZAIRIL Khir Johari (dua dari kanan) ketika menziarahi Datuk Sri Dominic Andrew Dago, seorang pengasas negeri Sarawak dan pemimpin Bidayuh yang tersohor.



MELAWAT rumah panjang Bidayuh di kawasan pedalaman Mambong, Sarawak.

| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **AIR PUTIH**<br>YAB Tuan Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| **PANTAI JEREJAK**<br>YB Haji Mohd. Rashid Hasnon<br>rashid.hasnon@penang.gov.my | (T) 04 - 646 4700 |
| **PERAI**<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 399 6689 |
| **PADANG KOTA**<br>YB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **BATU MAUNG**<br>YB Datuk Abdul Malik Abul Kassim<br>abdmalik@penang.gov.my | (T) 04 - 626 1968<br>(F) 04 - 626 5496 |
| **BAGAN JERMAL**<br>YB Lim Hock Seng<br>limhockseng@penang.gov.my | (T) 04 - 331 7175<br>(F) 04 - 331 7175 |
| **BATU LANCHANG**<br>YB Law Heng Kiang<br>lawhengkiang@penang.gov.my | (T) 04 - 282 6419<br>(F) 04 - 282 6419 |
| **SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| **PADANG LALANG**<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028 |
| **DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh DEO<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| **SEBERANG JAYA**<br>YB Dr. Afif Bahardin | (T) 04 - 390 5109 |
| **BUKIT TAMBUN**<br>YB Law Choo Kiang<br>lawchookiang@penang.gov.my | (T) 04 - 588 0818<br>(F) 04 - 588 0885 |
| **AIR ITAM**<br>YB Wong Hon Wai<br>wonghonwai@penang.gov.my | (T) 04 - 828 0926<br>(F) 04 - 828 0926 |
| **BERAPIT**<br>YB Ong Kok Fooi<br>ongkokfooi@penang.gov.my | (T) 04 - 530 8476 |
| **MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| **TANJONG BUNGAH**<br>YB Teh Yee Cheu<br>dappenang.cagw.teh@gmail.com | (T) 04 - 899 9581 |
| **JAWI**<br>YB Soon Lip Chee<br>dunjawi@hotmail.com | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **PENGKALAN KOTA**<br>YB Lau Keng Ee<br>dappengkalankota@gmail.com | (T) 04 - 250 1521<br>04 - 250 1522<br>(F) 04 - 250 1523 |
| **BAGAN DALAM**<br>YB Tanasekharan a/l Autheraphy<br>atana@first.net.my | (T) 04 - 323 5870<br>(F) 04 - 323 5870 |
| **KEBUN BUNGA**<br>YB Cheah Kah Peng<br>kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451 |
| **SUNGAI BAKAP**<br>YB Hj. Maktar Hj. Shapee<br>adunan.dunsgbakap@yahoo.com | (T) 04 - 582 7549<br>(F) 04 - 582 8648 |
| **KOMTAR**<br>YB Teh Lai Heng<br>komtarN28@gmail.com | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| **PAYA TERUBONG**<br>YB Yeoh Soo Hin<br>clementyeoh@hotmail.com | (T) 04 - 827 8868 |
| **PULAU TIKUS**<br>YB Yap Soo Huey<br>yapsoohueydap@gmail.com | (T) 04 - 226 5217<br>(F) 04 - 227 5217 |
| **PERMATANG PASIR**<br>YB Datuk Hj. Mohd. Salleh Man<br>adunptgpasir@gmail.com | (T) 04 - 398 4226<br>(F) 04 - 398 4226 |
| **BUKIT TENGAH**<br>YB Ong Chin Wen<br>pkrbktfengah@gmail.com | (T) 04 - 508 3977<br>(F) 04 - 508 3677 |
| **PENANTI**<br>YB Dr. Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 538 2871<br>(F) 04 - 538 4871 |
| **SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>dapsungaipinang@hotmail.com | (T) 04 - 282 6630 |
| **BATU UBAN**<br>YB Dr. T. Jayabalan<br>drjayabalan@gmail.com | (T) 04 - 656 2605<br>(F) 04 - 656 0699 |
| **SERI DELIMA**<br>YB Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji<br>rsnrayer@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) 04 - 659 6611 |
| **DAP PENANG HQ**<br>dappg@streamyx.com | (T) 04 - 228 8482<br>(F) 04 - 228 8514 |
| **PAS PENANG HQ** | (T) 04 - 575 5584 |
| **PKR PENANG HQ** | (T) 04 - 397 0115 |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENAGA**<br>YB Mohd. Zain Ahmad | (T) 04 - 351 5825 |
| **BERTAM**<br>YB Shariful Azhar Othman | (T) 012 - 411 4690<br>(F) 04 - 575 8670 |
| **PINANG TUNGGAL**<br>YB Datuk Haji Roslan Saidin | (T) 04 - 398 3555<br>(F) 04 - 397 3555 |
| **PERMATANG BERANGAN**<br>YB Omar Abd. Hamid | (T) 04-573 4630<br>(F) 04-573 4630 |
| **SUNGAI DUA**<br>YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor | (T) 04 - 575 7454 |
| **TELOK AIR TAWAR**<br>YB Datuk Jahara Hamid<br>jahara.hamid@gmail.com | (T) 04 - 351 2873<br>(F) 04 - 351 4389 |
| **SUNGAI ACHEH**<br>YB Datuk Mahmud Zakaria<br>datomahmud@umpangroup.com.my | (T) 04 - 593 3100<br>(F) 04 - 593 9529 |
| **BAYAN LEPAS**<br>YB Nordin Ahmad | Sedang dikemaskini |
| **PULAU BETONG**<br>YB Muhamad Farid Saad | (T) 04 - 866 4202<br>(F) 04 - 866 4202 |
| **TELUK BAHANG**<br>YB Shah Haedan Ayoob | (T) 04 - 866 1760<br>(F) 04 - 866 1821 |

| PEGAWAI PENYELARAS KADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENAGA**<br>Ridwan Osman<br>ridwan_wan48@yahoo.com | 013-499 5068 |
| **BERTAM**<br>Asrol Sani Abdul Razak<br>asrolsani2006@gmail.com | 013-580 6981 |
| **PINANG TUNGGAL**<br>Muhasdey Muhamad<br>hadiputra78@yahoo.com | 019-437 2887 |
| **PERMATANG BERANGAN**<br>Arshad Md. Salleh<br>arshad.salleh@yahoo.com | 019-510 2633 |
| **SUNGAI DUA**<br>Zahadi Mohd.<br>zahadi55@yahoo.com | 019-507 3828 |
| **TELOK AIR TAWAR**<br>Norhayati Jaafar<br>yatie7119@yahoo.com.my | 019-433 7119 |
| **SUNGAI ACHEH**<br>Azmi Samsudin<br>azmikeadilan@gmail.com | 012-594 1515 |
| **BAYAN LEPAS**<br>Jamaludin Said<br>udinmtd@gmail.com | 019-413 0799 |
| **PULAU BETONG**<br>Hj. Mohd Tuah Ismail<br>tuahismail@yahoo.com | 019-570 9500 |
| **TELUK BAHANG**<br>Halil Sabri Hamid<br>halilsabri.hsh@gmail.com | 017-460 4849 |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
|---|---|
| POLIS & AMBULANS | 999 |
| BOMBA | |
| PENYELAMAT | |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| WCC (*Women's Centre for Change*) | 04-228 0342 |
| Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) | 04-398 8340 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |
| JPJ | 04-656 4131<br>04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |
| *PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)* | 04-263 1166 |
| *TOURISM MALAYSIA* | 04-261 0058 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN) | 04-210 2363 |
| ( BUTTERWORTH) | 04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |
| PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK | 04-829 4046 |
| CAP | 04-829 9511 |
| BEFRIENDERS PENANG | 04-281 5161<br>04-281 1108 |
| PERPUSTAKAAN PP | 04-229 8555 |

## PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS/OKU/IBU TUNGGAL/ PROGRAM ANAK EMAS/ PROGRAM RAKAN ANTI KEMISKINAN/ PROGRAM PELAJAR EMAS

| | | | |
|---|---|---|---|
| N1 | Penaga | : 011-1060 8823 | - Shukri |
| N2 | Bertam | : 019 - 593 3736 | - Fatimah |
| N3 | Pinang Tunggal | : 017 - 424 9371 | - Tasrin |
| N4 | Permatang Berangan | : 019 - 556 4664 | - R.M. Reza |
| N5 | Sungai Dua | : 013 - 595 6865 | - Rosli Man |
| N6 | Telok Air Tawar | : 013 - 598 1435 | - Raudzey Razali |
| N7 | Sungai Puyu | : 012 - 480 5495 | - Mr.Lee |
| N8 | Bagan Jermal | : 013 - 449 0366 | - Yeap Choon Keong |
| N9 | Bagan Dalam | : 016 - 473 1963 | - Gesan |
| N10 | Seberang Jaya | : 04 - 390 5109 | - Nor Hayati Mohd. Iskander |
| N11 | Permatang Pasir | : 019 - 412 8442<br>013 - 595 6865 | - Kamal<br>- Rosli |
| N12 | Penanti | : 04 - 538 2871<br>04 - 538 3871 | - Tira |
| N13 | Berapit | : 016 - 401 3507<br>017 - 446 1817 | - Mr.Lim<br>- Yeoh Ee Yee |
| N14 | Machang Bubuk | : 012 - 474 0964<br>012 - 473 0964 | - Andrew Chin<br>- Ikhwan |
| N15 | Padang Lalang | : 017 - 552 8928<br>014 - 945 9786 | - Chan<br>- Lai |
| N16 | Perai | : 04 - 399 6689 | - Selvi |
| N17 | Bukit Tengah | : 013 - 518 8735 | - Lim Tuan Chun |
| N18 | Bukit Tambun | : 016 - 404 9120<br>017 - 378 4448 | - G.Dumany<br>- Khor |
| N19 | Jawi | : 017 - 408 4784<br>012 - 456 5018 | - Abdul Halim<br>- Mr. Khor |
| N20 | Sungai Bakap | : 019 - 552 8689<br>012 - 542 4454 | - Norjuliana<br>- Hasbullah |
| N21 | Sungai Acheh | : 010 - 929 6603 | - Ariff Baseri |
| N22 | Tanjong Bungah | : 012 - 465 0021<br>011 - 12441069 | - Tina<br>- Hezreen |
| N23 | Air Putih | : 04 - 829 0614 | - Hong Kian Beng |
| N24 | Kebun Bunga | : 012 - 493 3342 | - Cheng Kok Eong |
| N25 | Pulau Tikus | : 017 - 956 3237 | - Quah |
| N26 | Padang Kota | : 012 - 431 7015 | - Johnny Chee |
| N27 | Pengkalan Kota | : 012 - 401 1522 | - Ch'ng Chin Keat |
| N28 | KOMTAR | : 012 - 423 3227<br>010 - 811 7300 | - Benji Ang<br>- Razin |
| N29 | Datok Keramat | : 017 - 480 7417<br>04 - 226 2464 | - Varinder<br>- Kalvinder |
| N30 | Sungai Pinang | : 04 - 282 6630 | - Shuen |
| N31 | Batu Lancang | : 04 - 282 6419 | - Karuna |
| N32 | Seri Delima | : 019 - 4474362<br>012 - 5242549 | Mahen<br>James |
| N33 | Air Itam | : 012 - 4730736<br>016 - 4940705 | - Anne<br>- Janet |
| N34 | Paya Terubong | : 012 - 484 1963<br>016 - 205 1185 | - Toon Hoon Lee<br>- Frankie Kee |
| N35 | Batu Uban | : 016 - 480 0232<br>016 - 487 8602<br>016 - 444 3550 | - Jalal<br>- Khairul<br>- Sathya |
| N36 | Pantai Jerejak | : 04 - 646 4700 | - Aliff / Shamsudin |
| N37 | Batu Maung | : 019 - 498 1096<br>016 - 428 6158 | - Amirulzaman<br>- Danny Ho |
| N38 | Bayan Lepas | : 016 - 599 2918 | - Saifullizan |
| N39 | Pulau Betong | : 012 - 422 4935 | - Zulkiflee |
| N40 | Telok Bahang | : 017-413 5695 | - Johan Abu Bakar |

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPSP 2015

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MPSP | 04 - 549 7555 |
| David Marshel a/l Pakianathan | 019 - 412 3397 |
| H'ng Mooi Lye | 012 - 425 2602 |
| Loh Joo Huat | 012 - 422 1133 |
| Mohamad Shaipol Ismail | 019 - 414 6079 |
| Satees A/l Muniandy | 016 - 438 4767 |
| Siti Nur Shazreen Mohd. Jilani | 019 - 411 8343 |
| Tan Chee Teong | 012 - 401 7718 |
| Tan Cheong Heng | 012 - 487 3101 |
| Tan Chong Hee | 019 - 411 5598 |
| Tiagarajen A/L Annamalai | 010 - 387 9305 |
| Ong Eu Leong | 010 - 770 0508 |
| Ho Leng Hong | 017 - 487 2767 |
| Shafiqah Shobha Abdullah | 016 - 496 1659 |
| Mohd. Rizal Abd. Hamid | 012 - 424 3878 |
| Rajasegar a/l Govindasamy | 019 - 411 7051 |
| Zulkifli Ibrahim | 018 - 576 1622 |
| Zaini Awang | 019 - 546 3115<br>019 - 493 6161 |
| Amir Md. Ghazali | 013 - 584 8386 |
| Mohd. Sharmizan Mohamad Nor | 011 - 1110 6456 |
| Omar Hassan | 019 - 571 8031 |
| Dahalan Fazil | 019 - 727 4388 |
| Dr. Tiun Ling Ta | 04 - 508 0039 (Tel)<br>04 - 657 0918 (Fax) |
| Ahmad Tarmizi Abdullah | 013 - 414 4822 |
| Wong Chee Keet | 012 - 451 1312 |

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPPP 2015

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MPPP | 04 - 259 2020 |
| Goh Choon Keong | 019 - 471 7931 |
| Gooi Seong Kin | 016 - 457 1271 |
| Harvindar a/l Darshan Singh | 012 - 428 2250 |
| Joseph Ng Soon Siang | 012 - 423 9143 |
| Sukumar a/l Subramaniam | 019 - 442 2113 |
| Lee Chun Kit | 012 - 519 2152 |
| Ong Ah Teong | 012- 410 6566 |
| Syerleena Abdul Rashid | 019- 225 6502 |
| Tan Hooi Peng | 012 - 498 6212 |
| Prof. Tan Kim Hooi | 016 - 438 7855 |
| Francis a/l Joseph | 012 - 474 3321 |
| Nur Zarina Zakaria | 011 - 1578 5098 |
| Lim Boon Beng | 012 - 564 4400 |
| Ahmad Azrizal Tahir | 012 - 498 4556 |
| Kumaresan a/l Arumugam | 014 - 945 9621 |
| Muhammad Bakhtiar Wan Chik | 019 - 470 8811 |
| Felix Ooi Keat Hin | 016-417 1331 |
| Tan Chiew Choon | 019 - 470 4499 |
| Yacoob Omar | 013 - 420 3611 |
| Mhd. Nasir Yahya | 012 - 402 6739 |
| Dr. Lim Mah Hui | 012 - 422 1880 |
| Eric Lim Seng Keat | 016 - 414 3428 |
| Sha'ari Md. Salleh | 013 - 788 7786 |
Dalam pada itu, Kean Phoay menyatakan bahawa beliau turut bersetuju agar program pertanian dalam bandar berkaitan digiatkan di negeri ini.

"Ia boleh dijadikan aktiviti masa lapang atau hujung minggu bersama keluarga. Selain memberi manfaat kesihatan, ia juga mampu melahirkan minat terutama kepada generasi muda," katanya.

**BERMINAT?**
**Hubungi ADUN Jawi**
**Soon Lip Chee**
**012 - 429 0163 atau 04 - 594 1163**

# Wanita harus terus berjuang capai lebih kejayaan - Exco

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN –** Antara cabaran yang perlu ditempuhi golongan wanita adalah untuk menyeimbangkan urusan kerjaya dengan tuntutan keluarga, kata Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng di sini baru-baru ini.

Katanya, golongan wanita adalah adik, kakak, isteri dan ibu di dalam keluarga.

"Dengan tanggungjawab yang semakin mencabar dan pada masa sama perlu bersaing dengan lelaki, sesungguhnya kita (wanita) adalah wanita-wanita hebat!



**CHONG Eng ketika menyampaikan ucapan perasmian.**

"Justeru, kita (golongan wanita) harus meneruskan perjuangan bagi mencapai lebih banyak kejayaan tanpa mengira sama ada pada aspek kerjaya mahupun membina keluarga," ucapnya pada Majlis Perasmian Bengkel Lean In@MBPP di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC), Aloyah A. Bakar.



**PARA peserta Lean In@MBPP bergambar kenangan dengan Chong Eng (barisan depan, dua dari kiri) pada majlis perasmian program berkenaan di sini baru-baru ini.**

Bengkel Lean In@MBPP diadakan sempena sambutan Hari Wanita Sedunia bagi meningkatkan kesedaran asas mengenai gender dan isu-isu berkaitan.

Kira-kira 100 kakitangan wanita Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) hadir pada bengkel anjuran bersama pihak berkuasa tempatan (PBT) berkaitan dan PWDC.

Tambah Chong Eng, beliau berharap menerusi penganjuran bengkel sedemikian, ia mampu membentuk suatu rangkaian sokongan informal dalam kalangan kakitangan Majlis dalam mewujud serta membincangkan isu-isu gender.

## Tangani buli sebelum melarat - Exco

**GEORGE TOWN –** Sempena sambutan Hari Wanita Sedunia 2015, Kerajaan Negeri melalui MMK Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti dengan kerjasama Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) menganjurkan Seminar Anti Buli dan Asas Kaunseling khusus untuk penjawat awam di sini baru-baru ini.


**SEBAHAGIAN penjawat awam yang menyertai Seminar Anti Buli dan Asas Kaunseling di sini baru-baru ini.**

Menurut Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti, Chong Eng, penganjuran seminar tersebut adalah selaras dengan isu semasa yang terjadi dewasa ini melibatkan penjawat awam.

"Penjawat awam adalah penggerak sesebuah pentadbiran dan hanya jika mereka ini sihat mental dan fizikal, maka pentadbiran akan menjadi bertambah kukuh serta progresif.

"Penjawat awam juga manusia dan tidak lari dari masalah buli sama ada sebagai pembuli atau menjadi mangsa buli.

"Buli bukanlah semata-mata melibatkan pelajar di bangku sekolah mahupun kanak-kanak di rumah, tetapi juga melibatkan mereka yang lebih berusia seperti anda (penjawat awam) semua yang mungkin terjadi di tempat kerja atau di rumah," ucapnya ketika merasmikan Seminar Anti Buli dan Asas Kaunseling di sini baru-baru ini.

Seminar yang berlangsung selama dua hari itu turut dihadiri Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow dan isteri serta ahli terapi dari badan bukan kerajaan (NGO), *Cr8TvT@Heart*, Priscilla Ho.

Selain memberi pendedahan terhadap faktor dan persekitaran masalah buli, panel jemputan iaitu Dr. Fred Toke turut berkongsi pengalaman apabila berdepan dengan pembuli serta mangsa buli di samping memberi tips-tips ke arah kaunseling berkesan.

Menurut Chong Eng, masalah buli memberi implikasi yang sangat besar terhadap emosi seseorang sekiranya mangsa tidak mampu mengawal emosi masing-masing.

Dalam sesetengah kes, beliau memberitahu, mangsa akan menjadi lebih agresif dan lebih buruk lagi, ada yang sanggup bunuh diri atau bertindak mencederakan diri.

"Ada juga mangsa yang menjadikan anak-anak di rumah atau orang sekeliling yang dilihat lemah dan mudah untuk dibuli sebagai sasaran.

"Buli bukan sahaja melibatkan serangan fizikal, tetapi juga mental di mana penyerang lebih berkuasa dan mangsa pula jarang membalasnya atau takut untuk bertindak," jelas beliau.

Tambah Chong Eng, masalah sosial dan pelanggaran disiplin seperti buli perlu ditangani segera sebelum ia melarat menjadi isu yang besar.

"Setiap lapisan masyarakat seperti saya dan anda semua, perlu memainkan peranan masing-masing serta memikul tanggungjawab dengan memberi perhatian khusus terhadap masalah buli ini.

"Sungguhpun jawatankuasa disiplin dan kaunseling ditubuhkan, namun, masyarakat sekeliling perlu buka mata dan memainkan peranan bagi mengekang masalah buli dari menular.

"Mangsa-mangsa buli harus berani tampil melaporkan insiden yang berlaku supaya tindakan wajar untuk menghentikan perbuatan tidak bermoral ini dapat dilakukan segera," serunya.

Dalam pada itu, Chong Eng juga berharap agar peserta yang hadir pada seminar berkenaan dapat memperoleh manfaat dan menggunakan pengetahuan yang diperoleh dengan sebaiknya dalam membantu rakan-rakan yang kemungkinan menjadi mangsa buli serta pada masa sama mengekang masalah buli dari menjadi wabak.

## Wanita hari ini bijak - Rashid

Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**GEORGE TOWN –** Karnival Usahawan Wanita Pulau Pinang 2015 yang berlangsung selama empat hari baru-baru ini telah membuka peluang buat usahawan wanita di negeri ini untuk memperkenalkan produk dan memperluaskan pasaran perniagaan masing-masing di sini.



**MOHD. Rashid Hasnon (tengah) sambil ditemani Chong Eng (dua dari kanan) dan Dr. Afif Bahardin memegang replika kad membawa mesej-mesej perjuangan hak-hak wanita pada Majlis Perasmian Karnival Usahawan Wanita Pulau Pinang 2015 di sini baru-baru ini.**

Tinjuan Buletin Mutiara mendapati, rata-rata usahawan-usahawan berkaitan menyambut baik usaha Kerajaan Negeri dalam membantu mereka mempromosikan produk-produk dihasilkan.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon merangkap Exco Pembangunan Industri, Perdagangan Antarabangsa, Pembangunan Keusahawanan, Koperasi dan Perhubungan Masyarakat berkata, karnival yang dianjurkan tersebut adalah bagi meraikan kejayaan dan pencapaian wanita dari pelbagai sektor.

"Kita (Kerajaan Negeri) mengiktiraf dan menggalakkan pembangunan wanita dalam bidang usahawan dan perniagaan.

"Dalam segala hal, kaum wanita merupakan penyumbang besar pada aspek kemasyarakatan dan negara, Malaysia.

"Malah, wanita hari ini bijak, berkebolehan, aktif mengejar peluang dan mampu menyahut cabaran dalam alam kerjaya," ujarnya pada Majlis Perasmian Karnival Usahawan Wanita Pulau Pinang 2015 yang dianjurkan bersempena dengan sambutan Hari Wanita Sedunia baru-baru ini di sini.

Hadir sama, Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti, Chong Eng, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin dan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC), Aloyah A. Bakar.

Bertemakan, "Jadikan Kenyataan', karnival tersebut dianjurkan syarikat milik Kerajaan Negeri (GLC), PWDC dengan kerjasama Pejabat Timbalan Ketua Menteri I.

Menurut Chong Eng, mengikut Banci Ekonomi 2011 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang dimiliki wanita adalah setakat 20 peratus sahaja iaitu kira-kira 127,000 perusahaan milikan, malah, mengikut saiz pertubuhan, majoriti PKS milikan wanita adalah bersaiz mikro iaitu 88.0 peratus.

Beliau memberitahu, wanita mampu berjaya sekiranya mempunyai azam yang kuat, tekun bekerja dan memajukan kebolehan diri sendiri.

"Saya menyeru usahawan wanita untuk berani tampil ke hadapan dan memikirkan idea produk yang kreatif dan inovatif, terutamanya dalam bidang pembuatan, teknologi, perubatan serta lain-lain.

"Semangat keusahawanan itu tidak harus terhad kepada bidang makanan, pakaian dan kecantikan sahaja," seru Chong Eng.

# Boleh dimakan begitu saja, unik bawang goreng Salbiah

Oleh : **YAP LEE YING**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**SUDAH** 10 tahun lamanya bawang goreng Makcik Salbiah berada di pasaran sekitar Penanti, Seberang Perai Tengah (SPT).

Perusahaan yang dimulakan bagi mengisi masa terluang sebagai suri rumah kini menjadi sumber rezeki beliau yang berasal dari Kampung Tun Sardon, Penanti.

Dikurniakan empat cahaya mata, Makcik Salbiah atau nama sebenarnya, Salbiah Sahat, 59, mula mengusahakan perusahaan tersebut secara kecil-kecilan sejak tahun 1996.

"Selepas itu, apabila Jabatan Pertanian mewujudkan program Kumpulan Pengembangan Wanita (KPW), Makcik dan tiga rakan lagi (syarat empat orang sekumpulan) bercadang membentuk satu kumpulan mengusahakan produk berkaitan.


SALAH seorang kakitangan sedang menggoreng bawang yang telah siap dipotong.


BAWANG goreng yang telah siap dipek.


SALBIAH Sahat.


PROSES pembungkusan produk bawang goreng.

"Selain itu, turut diusahakan adalah kuih kapal terbang yang juga dipanggil kuih tiram, lidah buaya atau lidah jin dan kuih muruku,'' kata beliau yang peramah perwatakannya.

Bermula dengan 4 kilogram (kg) bawang, kini angka pemprosesannya telah mencecah 40kg yang diproses tiga kali seminggu.

"Dulu, masa mula-mula buat, semua guna tangan. Dari kupas bawang, potong dan kemudian goreng.

"Empat orang 'buat' 4kg bawang, ambil masa kira-kira satu jam juga. Baju semua basah sebab air mata keluar pedih kupas dan potong bawang...nak buat macam mana, kalau pakai *spec* (kaca mata), tak nampak, jawabnya, ambik tisu lap je lah!'' ujarnya sambil tersenyum.

Pada tahap permulaan, disebabkan belum lagi memperoleh sebarang bantuan peralatan daripada agensi-agensi berkaitan, semua bawang dipotong sendiri.

"Masalahnya, bawang yang dipotong dengan tangan mempunyai ketebalan berbeza sehingga menyebabkan hasil (bawang) yang digoreng adalah tidak sekata dan tidak garing.

"Selain itu, asal-usul bawang juga adalah penting bagi memastikan kualiti bawang goreng yang dihasilkan.

Kebiasaannya, Makcik menggunakan bekalan bawang merah yang diimport dari Burma (Kemboja). Ini kerana, ia mempunyai rasa manis dan aromanya adalah amat wangi.

"Berbeza dengan bawang (merah) dari India yang mana ia akan menjadi cepat hitam apabila digoreng. Rasanya juga lain,'' jelas beliau yang kini dikurniakan empat orang cucu kini.

Selepas setahun lebih berusaha, akhirnya Makcik Salbiah berjaya memperoleh bantuan peralatan memotong bawang. Sebagai tambahan, bagi membantu golongan ibu tunggal di sekitar kampungnya memperoleh pendapatan tambahan, upah mengupas sebanyak 25 sen bagi 1kg bawang telah 'diagihkan' kepada pihak berkenaan.

Sebagaimana pengusaha-pengusaha lain, pada peringkat permulaan, Makcik Salbiah menyatakan bahawa beliau menggunakan tempoh masa kira-kira sebulan untuk mencari pasaran bagi produk keluarannya.

"Makcik bawa ke kedai dan minta dia orang cuba. Bila tauke kata okay, baru saya hantar.


KUIH kapal terbang atau kuih tiram.

"Disebabkan kekangan dan faktor pengangkutan, hanya kedai-kedai runcit tempatan atau sekitar Tasek Gelugor sahaja yang mampu dipromosi.

"Itupun, apabila terdapat banyak persaingan dan produk pengeluar lain banyak tidak habis dijual, tauke kedai akan minta supaya Makcik perlahankan penghantaran produk.

"Ini adalah bagi membolehkan mereka (tauke) menghabiskan stok sedia ada dulu,'' kata Makcik Salbiah.

Tidak putus asa dan terus melihat potensi perusahaan tersebut, Makcik Salbiah yang kini dibantu dua kakitangan amat berbangga dengan produk keluarannya.

"Apa yang unik mengenai bawang goreng Makcik ialah ianya menggunakan bahan-bahan tradisional, rangup, tahan lama dan boleh dimakan begitu sahaja!'' jawab beliau.

Bagi perancangan masa depan, Makcik Salbiah berhasrat untuk mengembang serta mempelbagaikan lagi produk-produk perusahaannya.

"Kini, muruku, kuih karas dan kuih kapal terbang atau tiram dibuat berdasarkan permintaan ataupun pada musim perayaan.

"Sekiranya ada peluang, adalah menjadi hasrat supaya kuih-kuih ini dipasarkan dengan lebih meluas. Begitu juga dengan produk bawang goreng,'' seru beliau.

**INFO :**
**No. 2012 MK19, Kampung Tun Sardon, 14000 Bukit Mertajam.**
**Tel. : 016 - 466 6561 / 016 - 438 8345**

# Dahalan gigih teroka pelancongan warisan Seberang Perai

**LEMBAH** Bujang di Kedah memang tidak asing bagi komuniti pelancong warisan, baik dari dalam negeri mahupun luar negara.

Namun, ramai yang tidak tahu bahawa Guar Kepah dekat Penaga dalam Daerah Seberang Perai Utara (SPU) ini merupakan tapak warisan sejarah berusia lebih 5,000 tahun, iaitu kewujudannya lebih awal berbanding Lembah Bujang.

Ikuti wawancara wartawan akhbar Buletin Mutiara (BM), **ZAINULFAQAR YAACOB** dengan Ahli Majlis MPSP, Dahalan Fazil mengenai potensi tapak warisan menarik di SPU di sini baru-baru ini.

**BM : Bolehkah Tuan jelaskan mengenai Guar Kepah yang dikatakan wujud lebih awal daripada Lembah Bujang di Kedah ini?**

**DAHALAN :** Sebenarnya ada banyak lagi tapak warisan serta kawasan menarik untuk dimajukan sebagai industri pelancongan warisan, selain Guar Kepah.

Gua Kepah ini ertinya, timbunan kulit kepah setinggi 15 kaki yang dikenalpasti wujud sejak lebih 5,000 tahun dulu, tetapi, tiga timbunan ini diranapkan pada zaman Inggeris, 1850.

Di bawah timbunan kulit kepah itulah dijumpai 36 rangka manusia, alat-alat memburu dan sebagainya, ini penemuan seorang arkeologi Inggeris pada tahun 1850, dan penemuan terkemudian oleh Prof. Dr. Mokhtar Saidin (Pengarah Pusat Penyelidikan Arkeologi Global Malaysia, Universiti Sains Malaysia, USM).

Lembah Bujang boleh popular dan diiktiraf sebagai tapak warisan dunia kerana komitmen semua pihak berwajib untuk mewartakan kawasan tersebut.

Guar Kepah pun mempunyai prospek pelancongan warisan yang lebih, jika serius dipulihara kelak.

**BM : Selain Guar Kepah, ada lagi kawasan-kawasan warisan lain di SPU yang berpotensi untuk dimajukan sebagai destinasi pelancongan warisan negeri?**

**DAHALAN :** Ada. Jambatan Merdeka di Bumbung Lima sendiri dikira sebagai warisan kerana dibina semasa merdeka, semasa era Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman dulu, yang menghubungkan Pulau Pinang dengan Kedah.

Tak jauh dari Jambatan Merdeka, ada kubu Inggeris sejak Perang Dunia Kedua di tepi sungai, tetapi disebut sebagai "Kubu Jepun", sebenarnya kubu Inggeris untuk pertahanan daripada serangan tentera Jepun.

Selain itu, Rantau Panjang dan Kota Aur ini mungkin sebuah bandar lama yang sama, dan USM telahpun mengambil binaan tinggalan sejarah dan mengesahkan ia sudah berusia lebih 1,000 tahun.

Dalam rekod sejarah Kedah pun, ada disebut bahawa Kota Aur ini merupakan ibu negeri Kerajaan Langkasuka.

Cerita neratif 'orang lama' pada 10 tahun lepas di sana pun memberitahu bahawa Kota Aur inilah Kerajaan Kedah Tua yang asal.

Guar Kepah, Kota Aur, Rantau Panjang, Kubu Jepun, Permatang Bendahari dan Pengkalan Tambang merupakan antara tapak warisan ketara yang masih peringkat 'persediaan'.

Itu, tak termasuk lagi warisan-warisan tak ketara seperti adat-istiadat, kebudayaan, amalan tradisonal, persilatan dan pakaian yang begitu menarik untuk dipopularkan sebagai perkara pelancongan warisan di Seberang Perai ini.

**BM : Sejauhmana komitmen pihak berwajib di Pulau Pinang ini dalam membangunkan industri pelancongan warisan di Seberang Perai?**

**DAHALAN :** Pemahsyuran George Town Tapak Warisan Dunia UNESCO dan terbaru, pengisytiharan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) membuktikan bahawa komitmen membangunkan industri pelancongan warisan di negeri ini memang diakui.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng sendiri berkali-kali menjelaskan bahawa "Seberang Perai adalah masa depan Pulau Pinang," iaitu, suatu komitmen yang jelas bahawa potensi Seberang Perai ini memang dalam rancangan pembangunan negeri.

Buat masa ini, GTWHI (George Town World Heritage Incorporated) yang mendapat dana daripada UNESCO ada melantik sebuah konsultan untuk melakukan penyelidikan di tapak-tapak warisan di SPU, dan kajian inventori yang siap ini telahpun diserahkan kepada MPSP untuk tindakan selanjutnya.

Selepas semua kajian inventori ini siap, proses seterusnya adalah mewartakan kawasan-kawasan warisan di SPU ini pula untuk dipulihara dan dimajukan, mengikut garis panduan berwajib serta berdasarkan Akta Warisan Kebangsaan 2005.

Pada masa sama, memang ada rancangan MPSP nak perkenal tapak-tapak warisan yang bakal (dipertimbang untuk) digazetkan ini sebagai kawasan tarikan pelancongan, maka, peruntukan berwajib ke arah itu juga perlu nanti.

Setakat ini, MPSP telah menyenaraikan lokasi-lokasi tapak warisan dikenali sebagai Peta Warisan Seberang Perai, seperti Rumah Tok Ayah di Permatang Sungai Dua, Masjid Kampung Banggol, Pasar Bisik dekat Kuala Muda dan sebagainya.



RUMAH Tok Ayah di Permatang Sungai Dua yang MPSP turut dimuatkan dalam Peta Warisan Seberang Perai.



DAHALAN Fazil semasa majlis angkat sumpah sebagai Ahli Majlis MPSP di Kompleks Ibu Pejabat MPSP awal tahun ini.

Dalam Peta Warisan Seberang Perai ini, hanya menyenaraikan kawasan-kawasan yang "siap tersedia" untuk dibuka kepada pelancong.

Ada beberapa lokasi lagi tapak warisan yang masih di peringkat kajian dan persediaan seperti Guar Kepah, Rantau Panjang, Kota Aur, Permatang Bendahari, Pengkalan Tambang dan sebagainya, sebelum dipertimbang untuk digazetkan sebagai kawasan warisan.

**BM : Apakah cabaran yang didepani Tuan dalam merealisasikan industri pelancongan warisan di SPU ini?**

**DAHALAN :** Seperti di Rantau Panjang dan Kota Ok (Kota Aur), isunya adalah ketuanpunyaan tanah di atas tanah wakaf dan tanah milik persendirian, selepas itu, barulah boleh dipertimbang untuk perwartaan lalu dipagar.



PASUKAN kerja USM memberi penjelasan kepada Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon (kiri sekali) semasa melawat tapak warisan Guar Kepah di sini tahun lepas.

Di Pengkalan Permatang Bendahari, struktur binaan pengkalan asalnya telah retak dan perlu dipulihara segera dan ini memerlukan dana daripada pihak berwajib.

Tebing batu atau *retaining wall* bertarikh 1930-an dan binaan asas masjid lama di Permatang Bendahari berusia lebih 100 tahun masih ada di sini, pun perlu dipulihara,

Begitu juga balai polis yang dahulu berada di 'gigi sungai' (di sini), sebagai tempat mengutip cukai dan sebagainya.

Satu lagi, ada kedai emas lama di tengah-tengah kampung, orang sekarang tengok memang pelik, tetapi, ini sekaligus membawa gambaran bahawa Pengkalan Permatang Bendahari ini dahulu adalah bandar persisiran sungai yang besar dan penting suatu ketika dahulu.

Buat masa ini, MPSP dengan kerjasama USM serta beberapa NGO (badan bukan kerajaan) yang lain sedang bekerja ke arah itu.

Untuk menyempurnakan semua ini, perlu dapat kerjasama daripada semua pihak, bukan MPSP sahaja, Kerajaan Negeri, Jabatan Warisan, Jabatan Perhutanan, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Kerajaan Pusat dan komuniti setempat, sebelum dimohon pengiktirafan di peringkat dunia, macam UNESCO iktiraf George Town sebagai tapak warisan dunia.

Contoh yang paling mudah, Taman Rekreasi Ampang Jajar yang membabitkan kawasan tanah rizab sungai boleh dibangunkan sebagai kawasan pelancongan komuniti oleh MPSP apabila diserahkan oleh JPS.

Begitu jugalah dengan Permatang Bendahari yang kini terbabit dalam projek tebatan banjir di bawah JPS, kerjasama berwajib dengan MPSP mampu memajukan kawasan tersebut sebagai tapak warisan, dengan sokongan Kerajaan Negeri nanti.

Sementara menunggu proses ini, MPSP cuba memperkemas rancangan tempatan di sini seperti mengadakan program Gotong- Royong Jejak Warisan membabitkan komuniti setempat di SPU ini, kerana George Town boleh diiktiraf oleh UNESCO pun salah satu sebabnya adalah sokongan komuniti di George Town.

**BM : Apakah harapan Tuan dalam merealisasikan Seberang Perai sebagai destinasi pelancongan warisan di negeri ini?**

**DAHALAN :** Satu, harapan saya rancangan pemajuan semua kawasan pelancongan akhirnya boleh membawa manfaat untung kepada Kerajaan Negeri dan MPSP, selain membawa faedah untuk ekonomi komuniti di SPU ini.

Ini penting. Seperti di Permatang Bendahari, suatu masa dahulu memang ada pertandingan memancing dan lumba perahu dan sebagainya.

Ini, contoh warisan tak ketara yang jika dihidupkan semula oleh MPSP dengan sokongan Kerajaan Negeri, sekaligus akan menghidupkan ekonomi setempat di sini juga.

Selain pelancongan warisan, saya juga berharap eko-pelancongan turut dimajukan di Penaga ini, seperti Taman Hutan Pelajaran Air Hitam Dalam dan Taman Kelip-Kelip di Nibong Tebal.

Mengikut kajian *Malaysian Nature Society* (MNS), terdapat lebih 100 spesies burung daripada luar negara atau *migratory bird* berkunjung selama enam bulan lebih di Hutan Paya Laut (sekitar) Kuala Bekah dekat Penaga (hingga) persisiran pantai Sungai Kuala Muda.

Ada spesies *migratory bird* ini hanya terdapat di Hutan Paya Laut ini sahaja, tidak di hutan-hutan lain di negeri ini.

Pengunjung serta penggemar *migratory bird* dari luar negeri pun telah kenal Permatang Bagan Belat dekat Teluk Air Tawar ini

Di sinilah, perlunya dikekalkan pemeliharaan kawasan ini, digazetkan untuk dijadikan Taman Hutan Paya Laut Negeri Pulau Pinang Untuk *Migratory Bird*, sebagaimana Taman Negara Teluk Bahang.

Tak susah untuk mewujudkan eko-pelancongan di SPU ini kerana Kerajaan Negeri telah mempunyai pengalaman dan jejak kejayaan yang banyak dalam memajukan pelancongan warisan, sampai George Town diiktiraf oleh UNESCO sebagai "Tapak Warisan Dunia".

**PROFIL:**
**Dahalan Fazil, 57, merupakan bekas jurutera landskap serta Penolong Pengarah Jabatan Perancangan Bandar MPSP sejak 2002 hingga 2008. Beliau turut melakukan kajian warisan untuk MPSP dalam tempoh tiga tahun semasa itu. Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda Sains Pertanian dari Universiti Pertanian Malaysia (UPM) dan Sarjana Reka Landskap dari *University of Seafield United Kingdom*. Beliau merupakan Setiausaha NGO Persatuan Warisan dan Sejarah Pulau Pinang (Perwarisan). Beliau sudah berkeluarga dan mempunyai enam cahaya mata.**

# Sikap lepas tangan biar kenderaan susahkan semua pihak

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**



SALAH sebuah kenderaan yang dipercayai 'dibiarkan' pemilik.



DR. Tan Kim Hooi (tiga dari kiri) menunjukkan kenderaan-kenderaan yang ditempatkan di Jabatan Penguatkuasa, Jalan Timah pada sidang media di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN –** Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dr. Tan Kim Hooi menyeru orang ramai supaya tidak sewenang-wenangnya membiar atau meninggalkan kenderaan usang di lokasi awam ekoran tindakan tersebut bakal menyusahkan semua pihak.

Jelas beliau, sehingga kini, rekod kenderaan tidak dituntut yang ditempatkan di Jabatan Penguatkuasa MBPP, Jalan Timah adalah berjumlah 428 buah.

"Daripada jumlah ini, sebanyak 304 buah adalah motosikal dan bakinya, kenderaan-kenderaan lain (124).

"Malah, daripada jumlah terbabit, sebanyak 40 buah telah dilupuskan, bakal dilupuskan setelah cukup tempoh 12 bulan (84)," katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Menurut Kim Hooi, faktor yang mendorong kejadian tersebut dipercayai berpunca daripada sikap lepas tangan pemilik terutamanya apabila sesebuah kenderaan hanya dibiarkan di sesebuah lokasi selepas mengalami kerosakan.

"Justeru, demi kepentingan semua, adalah dinasihatkan supaya mereka yang ingin melupuskan kenderaan, namun tidak mengetahui caranya boleh hadir ke Jabatan Penguatkuasa di sini (Jalan Timah) untuk dibantu MBPP," jelas beliau.

Dalam pada itu, beliau memberitahu, bagi prosedur penundaan dan pelupusan, kebiasaanya adalah MBPP akan menghubungi pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) atau Polis Diraja Malaysia (PDRM) terlebih dahulu bagi mengesahkan pemilik kenderaan sebelum menghantar surat memohon pemilik menuntut semula.

"Di samping itu, MBPP juga berhak mengenakan kompaun sekiranya pemilik gagal menuntut kenderaan berkaitan selepas 14 hari," tegas Kim Hooi.





**Majlis Bandaraya Pulau Pinang**

## IKLAN JAWATAN

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan-jawatan berikut:-

| BIL | NAMA JAWATAN | GRED | TARAF |
|---|---|---|---|
| 1. | Pegawai Perubatan | UD47/48 | Tetap |
| 2. | Pegawai Perubatan | UD43/44 | Tetap |
| 3. | Pegawai Perancang Bandar & Desa | J41 | Tetap/Kontrak |
| 4. | Jurutera | J41 | Tetap/Kontrak |
| 5. | Arkitek | J41 | Tetap/Kontrak |
| 6. | Pembantu Awam | H11 | Tetap/Kontrak/ Sambilan |
| 7. | Pemandu Kenderaan | H11 | Tetap/Kontrak/ Sambilan |

**CARA MEMOHON** : Semua permohonan jawatan perlu dibuat secara atas talian (*'on-line'*) menerusi portal rasmi **http://www.mbpp.gov.my**. atau **http://eperjawatan.mbpp.gov.my** mulai **28 Mac 2015.**

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 10 APRIL 2015**

Sebarang kemusykilan atau permasalahan berhubung permohonan ini, sila hubungi **Bahagian Pengurusan Sumber Manusia** di talian berikut:-

**04-2592115 / 2311 / 2245**

# Lapor dan bukannya guna kekasaran – Ahli Majlis

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **MARK JAMES**

**GEORGE TOWN –** Orang awam yang tidak berpuas hati atau mengesan terdapat salah laku membabitkan anggota penguatkuasa Majlis Bandaran Pulau Pinang (MBPP) diminta melaporkan kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) berkaitan dan bukannya menggunakan kekasaran.

Kenyataan tersebut dinyatakan Ahli Majlis MBPP, Dr. Tan Kim Hooi ketika mengulas kejadian menimpa pemandu trak penunda milik MBPP, Omar Mohd. Ismail, 59, yang dipercayai dipukul salah seorang pesalah laku trafik 11 Mac lalu.

"Kesalahan ini adalah amat serius kerana menggunakan keganasan terhadap penjawat awam yang sedang menjalankan tugas. Bagi tindakan lanjut, laporan polis telah dibuat di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Timur Laut," katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Omar dan Ahli Majlis MBPP, Chris Lee Chun Kit.

Menurut Kim Hooi, pada hari kejadian iaitu kira-kira jam 11.50 pagi, Omar dipercayai ditumbuk salah seorang pesalah trafik yang tidak berpuas hati ekoran keretanya bakal ditunda kerana diletakkan di hadapan sebuah perhentian bas sehingga menyebabkan kesesakan lalulintas.



**DR. Tan Kim Hooi (empat dari kiri) dan Chris Lee Chun Kit (kanan sekali) bersama-sama Omar Mohd. Ismail dan anggota serta pegawai penguatkuasa MBPP lain pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.**

"Apabila Omar ingin menunda kereta suspek, berlakunya pergelutan sehingga suspek merampas kunci trak penunda daripada Omar dan kemudian bertindak menumbuknya (Omar).

"Omar kemudian turun dari trak untuk mengambil semula kunci berkaitan, namun terus diserang suspek sehingga memaksa Omar mempertahankan dirinya," jelasnya.

Dalam pada itu, Chun Kit ketika mengulas lanjut menyeru supaya masyarakat menghormati undang-undang yang ditetapkan sekiranya ingin melihat sesuatu 'hasil' yang efisien.

"MBPP hanya menjalankan tugas demi memastikan kelancaran trafik, jika kita (umum) tidak menghormati bidang tugas MBPP, bagaimana penguatkuasaan undang-undang hendak dijalankan demi kesenangan semua," tegas beliau.



**OMAR Mohd. Ismail menunjukkan laporan polis serta kecederaan di muka ekoran kejadian yang dilaporkan berlaku pada 11 Mac lalu.**

Bagi sesebuah kenderaan yang ditunda, pemilik perlu membayar RM150 untuk pelepasan kenderaan masing-masing dan resit akan dikeluarkan pada tempoh masa berkaitan jua.



# Laluan jambatan hanya untuk kenderaan ringan - ADUN

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ADUN JAWI**

**JAWI –** Tindakan tegas akan diambil terhadap pemandu kereta yang ingkar arahan pemanduan di jambatan yang menghubungkan Teluk Ipil dan Tanjung Berembang di sini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Soon Lip Chee berkata, terdapat beberapa aduan diterima daripada penduduk setempat berhubung tindakan segelintir pemandu kereta yang menggunakan jambatan tersebut walaupun ia hanya dikhaskan untuk kegunaan kenderaan ringan.

"Jambatan berukuran 2.3 meter ini, merupakan laluan pintas bagi penduduk berulang-alik dari Teluk Ipil ke Tanjung Berembang, namun, ia hanya untuk kenderaan ringan sahaja.

"Jelas ada papan tanda larangan menyatakan 'Kereta Dilarang Masuk', tetapi masih ada pemandu yang degil dan tidak memikirkan soal keselamatan, gunakan juga jambatan ini," katanya sejurus mengadakan tinjauan di sini baru-baru ini.



**MENUNJUKKAN papan tanda yang jelas menyatakan 'Kereta Dilarang Masuk'.**

Turut sama, Jurutera Jabatan Kerja Raya (JKR) Daerah Seberang Perai Selatan (SPS), Syed Zubir Syed Husin.

Tambah Lip Chee, sebelum ini, penghadang besi diletakkan di tengah-tengah jambatan tersebut, namun, ia menyukarkan penunggang motosikal dan ditanggalkan sejak tahun lalu.




**SOON Lip Chee (kiri) dan Syed Zubir Syed Husin mengukur keluasan laluan jambatan yang menghubungkan Teluk Ipil dan Tanjung Berembang pada sesi lawatan beliau di sini baru-baru ini.**

"Apabila penghadang ditanggalkan, ada pula kereta yang mengambil jalan mudah, lalu jambatan ini!

"Saya akan minta JKR kaji semula dan letak semula penghadang bagi menghalang kereta melaluinya," tegasnya.

Pada masa sama, Lip Chee memberitahu bahawa pihaknya juga telah memaklumkan kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) untuk memantau kenderaan yang melalui jambatan tersebut terutama pada waktu malam dan mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang ingkar.

## ADUN iktiraf pelajar cemerlang UPSR

Gambar : **FACEBOOK ADUN**



**MOHD. Rashid Hasnon (kanan sekali) beramah-mesra dengan pelajar cemerlang terpilih yang diraikan pada Program Penghargaan Pelajar Cemerlang UPSR 2014 di sini baru-baru ini.**

**PANTAI JEREJAK –** Seramai enam pelajar cemerlang terpilih dari kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pantai Jerejak masing-masing menerima Sijil Pengiktirafan Kecemerlangan, wang tunai dan cenderahati sumbangan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak, Dato' Mohd. Rashid Hasnon.

Semua pelajar berkenaan berjaya memperoleh keputusan 5A dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) 2014.

Mohd. Rashid ketika ditemui berkata, sumbangan itu diadakan selaras dengan tanggungjawab sosial korporat (CSR) institusi perbankan, Public Bank (Cawangan Bayan Baru) dan syarikat Petroliam Nasional Berhad (Petronas, stesyen Bayan Baru) terhadap masyarakat setempat.

"Ini adalah program julung kali diadakan dengan kerjasama Public Bank dan Petronas serta JKKK (Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti) Kampung Jawa dan Pejabat ADUN Pantai Jerejak.

"Saya berharap lebih ramai lagi, terutama syarikat korporat dan perbankan tampil untuk memberi sumbangan sebegini terutama bagi program-program melibatkan masyarakat setempat.

"Saya percaya melalui jalinan CSR syarikat-syarikat korporat terlibat dan JKKK setempat, masyarakat akan lebih terbela di samping dapat mengiktiraf mereka yang layak menerima pengiktirafan," katanya sejurus selepas penyampaian sumbangan pada Program Penghargaan Pelajar Cemerlang UPSR 2014 di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengurus Public Bank (Cawangan Bayan Baru), Cheok Kar Gee dan Pengurus Stesen Petronas Bayan Baru, Farah Ani.

Pelajar yang menerima sumbangan ialah Nurul Syakirah Husna Shamsul, Muhammad Haziq Muhamed Farukh, Muhammad Hasif Nou Bal, Muhammad Zarif Hakimi, Intan Zulaikha Abu Kasim dan S. R. Dharrshine yang kesemuanya kini melanjutkan pengajian di Tingkatan 1.

Semua mereka bertekad untuk terus menggapai kecemerlangan dalam pelajaran pada masa akan datang.

## 40 wanita Perai jalani saringan *Mammo Penang* percuma

Gambar : **J. PATMAVATHY**

**PERAI –**Seramai 40 wanita dari kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Perai terpilih untuk menjalani saringan mamogram percuma menerusi Program Saringan Mamogram Percuma atau *Mammo Penang* di Pusat BP Healthcare (BP) Bukit Mertajam baru-baru ini.



**SEBAHAGIAN wanita terpilih dari DUN Perai diberi taklimat ringkas sebelum saringan mamogram melalui program *Mammo Penang* dijalankan di BP Bukit Mertajam di sini baru-baru ini.**

Mereka yang terpilih terdiri daripada pengundi berdaftar negeri Pulau Pinang yang berusia 35 tahun dan ke atas.

Menurut pakar nutrisi BP, Yeu Yi Wen, program seumpamanya tersebut bukan sahaja membantu golongan wanita untuk mengesan penyakit kanser di peringkat awal, tetapi juga meningkatkan pengetahuan serta kesedaran terhadap peri pentingnya pemeriksaan mamogram ini.

"Inisiatif ini merupakan langkah agresif diambil Kerajaan Negeri dengan kerjasama BP, PWDC (Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang), 'Penang Sihat' dan '*Pink Penang*' dalam menyebarluaskan maklumat berkaitan bahaya kanser payudara yang menjadi pembunuh nombor satu wanita di Malaysia," katanya ketika ditemui pada penganjuran program tersebut di sini baru-baru ini.

Sebanyak dua sesi pemeriksaan dijalankan iaitu antara jam 8 hingga 10 pagi dan 10 pagi hingga 12 tengahari melibatkan 20 wanita bagi setiap sesi.

Tambah Yi Wen, bagi pihak BP sebagai pelaksana program berkaitan, beliau percaya program *Mammo Penang* dapat membantu wanita Pulau Pinang untuk terus mengamalkan gaya hidup sihat sama ada melalui pemakanan mahupun senaman harian.

Bagi maklumat lanjut, hubungi Pejabat Khidmat ADUN masing-masing atau BP Diagnostic Centre Bukit Mertajam di talian 04 – 537 5889 atau '*Pink Penang*', 04 - 222 5318

# Martabat wanita, antara lima teras khidmat DUN Batu Maung

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN & ADUN**

**BATU MAUNG** – Sempena sambutan Hari Wanita Sedunia pada 8 Mac lalu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung, Dato' Abdul Malik Abul Kassim turut tidak ketinggalan meraikannya bersama-sama golongan Hawa sekitar Dewan Undangan Negerinya (DUN) di sini.

Bertemakan #JadikanKenyataan, Abdul Malik yang juga Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mengedarkan 300 kuntum bunga teluki *(carnation)* di sekitar Pasar Kampung Naran, Pasar Sungai Ara, Pasar Awam Bayan Baru dan Maybank cawangan Jalan Tengah.

Ketika ditemui, beliau berkata, pelbagai usaha berterusan diambil bagi mengiktiraf golongan wanita di sini, antaranya menjadikan agenda Memartabatkan Wanita sebagai sebahagian daripada Lima Teras Perkhidmatan DUN Batu Maung.

Sementara itu, turut meraikan sambutan hari istimewa berkaitan, ADUN Tanjung Bunga, Teh Yee Cheu yang mengambil kesempatan mengedarkan 1,000 keping biskut tradisional masyarakat Cina dikenali *'Loh Por Peng'* kepada kaum wanita di sini.

Menurut Yee Cheu, pengedaran biskut itu mempunyai signifikannya tersendiri dan melambangkan kasih sayang.

Hari Wanita Sedunia disambut pada 8 Mac setiap tahun sejak tahun 1911. Walau bagaimanapun, di Malaysia, sambutan berkenaan mula diraikan semenjak 1962 sebagai pengiktirafan terhadap sumbangan, pengorbanan dan penglibatan golongan wanita kepada pembangunan negara.


**ABDUL Malik Abul Kassim (tengah) menyantuni salah seorang pengunjung wanita di Pasar Awam Bayan Baru sempena sambutan Hari Wanita Peringkat DUN Batu Maung di sini baru-baru ini.**


**ANTARA wanita bertuah yang menerima biskut *'Loh Por Peng'* daripada Teh Yee Cheu (kiri sekali).**


**SALAH seorang pengunjung Pasar Awam Bayan Baru menerima bunga sebagai tanda penghargaan.**

# ADUN harap projek lebar Jalan Sungai Bakap siap Okt.

Gambar : **ADUN**

**JAWI** – Kelewatan projek pelebaran serta menaiktaraf persimpangan dan pemasangan lampu di beberapa laluan berlubang sekitar Jalan Sungai Bakap adalah berpunca daripada proses pengambilan tanah serta masalah teknikal yang memerlukan penelitian semula pelan asal projek membabitkan beberapa pihak berkaitan di sini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Soon Lip Chee berkata, pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) perlu meneliti semula pelan asal projek pelebaran jalan di sini ekoran beberapa masalah yang timbul.

"Justeru, saya harap orang ramai yang menggunakan laluan Jalan Sungai Bakap supaya bersabar, berhati-hati serta mematuhi arahan papan tanda dari masa ke masa.

"Malah, sebagai tambahan, pihak kontraktor juga telah diminta untuk memasang jalur pantul cahaya di kawasan-kawasan kurang pencahayaan bagi kemudahan pemanduan pada waktu malam," katanya ketika mengadakan tinjauan ke Jalan Sungai Bakap di sini baru-baru ini.

Turut sama, Jurutera JKR Daerah Seberang Perai Selatan (SPS), Syed Zubir Syed Husin dan Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Kampung Jawi, Ching Swee Ping.

Menurut Lip Chee, walaupun pelaksanaan projek telah lewat 118 hari dari tarikh dijadualkan, beliau percaya fasa tiga projek yang keseluruhannya meliputi tujuh fasa dapat diselesaikan menjelang Oktober ini demi kepentingan rakyat.


**JALUR pantul cahaya yang dipasang bagi keselamatan pengguna jalan raya.**


**SOON Lip Chee (kanan sekali) bersama-sama Syed Zubir Syed Husin (dua dari kanan) ketika meninjau keadaan lalulintas di Jalan Sungai Bakap di sini baru-baru ini.**

## Bakat Si Cilik - Mewarna 2.0




Sila isi butiran berikut:

Nama : ..............................

No. My Kid/ Kad Pengenalan: ..............................

Alamat: ..............................

..............................

Nama Ibu/ Bapa/ Penjaga: ..............................

No. Telefon : (Rumah) ............... (Bimbit) : ...............

Emel: ..............................

Terma & Syarat Peraduan:

1. Mewarna : Peraduan dibuka dari 1 Mac 2015 hingga 31 Julai 2015.
2. Terbuka kepada kanak-kanak berusia 12 tahun dan ke bawah.
3. Hanya borang penyertaan sah boleh digunakan.
4. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan.
5. Hasil lukisan akan menjadi hak penganjur.
6. Keputusan pengadil adalah muktamad.
7. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan penganjur adalah tidak sah.
8. Sebarang pertanyaan, sila hubungi 04-650 5704 / 650 5375 / 650 5256.
9. Alamatkan semua borang penyertaan kepada:
   Buletin Mutiara, Peraduan Bakat Si Cilik - Mewarna,
   Tingkat 47, Komtar, 10503 Pulau Pinang.

## Hadiah:

**Pertama: RM200**
**Kedua: RM150**
**Ketiga: RM100**
**20 Hadiah Saguhati**